3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju melaksanakan kerja - kerja tersebut untuk tempoh **(2 Tahun)** dari tarikh Surat Arahan Mula Kerja yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur atau apa – apa tempoh lanjutan yang diperuntukan dalam syarat – syarat kontrak.
4. Jumlah amaun Harga Tender ini ialah jumlah pukal berjumlah **Ringgit Malaysia :**

.....
 (nyatakan dalam perkataan)

iaitu **RM**

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa **DATUK BANDAR KUALA LUMPUR** sentiasa berhak menyetujui atau menolak Tender ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada Tender-Tender yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Tender ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bagi sebutharga dan satu ratus dua puluh (120) hari bagi tender dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Tender dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janji lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.
6. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika Tender ini disetujui, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setujuterima Tender tetapi sebelum bermulanya Kerja-Kerja, perkara-perkara berikut:
- a) Bon Pelaksanaan dalam seperti berikut:
 - i. Wang Jaminan dalam bentuk Tunai atau
 - ii. Jaminan Bank seperti dalam borang yang disediakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur seperti dalam Lampiran atau
 - iii. Wang Jaminan Pelaksanaan yang dipotong secara penuh daripada bayaran kemajuan pertama
 - b) Polisi Insurans Kerja dan Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar. (yang berkaitan sahaja)
 - c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO); dan/atau
 - d) Polisi Insurans Pampasan Pekerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar.
- Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju akan mendapatkan polisi insurans tersebut daripada Panel-panel Broker Insuran yang dilantik oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan akan mendeposit Polisi Insurans bagi Kerja-Kerja tersebut kepada Pegawai Penguasa sebelum melaksanakan kerja.** Yang bertandatangan di bawah ini juga akan melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam masa yang munasabah
7. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Tender ini berserta Surat Setujuterima Tender ini (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita walaupun Perjanjian Kontrak yang formal belum dilaksanakan.

- 8. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun Tender ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Tender.
- 9. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:
 - a) Jika Tender ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
 - b) Jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada Tender ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Tender, atau
 - c) Jika sekiranya Tender telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau tidak mendeposit Bon Pelaksanaan sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-Syarat Kontrak atau tidak meneruskan Kerja-Kerja;

maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, DATUK BANDAR KUALA LUMPUR sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan dibawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah sebagai Kontraktor DATUK BANDAR KUALA LUMPUR, sebagaimana difikirkan perlu oleh DATUK BANDAR KUALA LUMPUR.

Bertarikh padaharibulan20.....

.....
 Tandatangan Petender
 Nama Penuh:
 Atas sifat:
 Alamat Syarikat:.....

yang diberikuasa dengan
 sepenuhnya untuk
 menandatangani Tender ini
 untuk dan bagi pihak:

Meteri atau Cop Petender

.....
 Tandatangan Saksi
 Nama Penuh:
 Atas sifat:
 Pekerjaan:
 Alamat:.....

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF
PORTAL, APLIKASI DAN WEB CMS VISITKL UNTUK TEMPOH
DUA (2) TAHUN**

BAHAGIAN 5. SYARAT-SYARAT PERJANJIAN

PERJANJIAN PENYELENGGARAAN

ANTARA

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

DENGAN

<NAMA SYARIKAT>

(NO. PENDAFTARAN SYARIKAT:)

BAGI

< NAMA TENDER/ SEBUTHARGA>

UNTUNTKUKKEGUNAANTENDERDBKKB SAHAJAJA

ISI KANDUNGAN

1.	TAKRIF DAN TAFSIRAN	1
2.	SKOP PERJANJIAN	4
3.	HARGA KONTRAK	4
4.	TEMPOH KONTRAK DAN PELANJUTAN	4
5.	BON PELAKSANAAN	5
6.	REPRESENTASI DAN WARANTI	5
7.	OBLIGASI KONTRAKTOR.....	7
8.	OBLIGASI DATUK BANDAR	9
9.	HAK DATUK BANDAR MEMOTONG DARIPADA WANG YANG PERLU DIBAYAR KEPADA KONTRAKTOR (<i>SET OFF</i>)	9
10.	GANTI RUGI TETAP (<i>LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES</i>).....	9
11.	HAK DATUK BANDAR APABILA MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA PENYELENGGARAAN TERSEBUT TIDAK DISERAHKAN.....	10
12.	KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN	10
13.	PERMINTAAN PERUBAHAN	10
14.	PENYEDIAAN LAPORAN, DOKUMENTASI DAN MANUAL	11
15.	LATIHAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI.....	11
16.	KEMUNGKIRAN OLEH KONTRAKTOR DAN PENAMATAN	12
17.	<i>FORCE MAJEURE</i>	15
18.	KERAHSIAAN	16
19.	IKLAN.....	17
20.	HAK MILIK HARTA INTELEK	17
21.	KESELAMATAN DAN KAWALAN DATA	17
22.	INDEMNITI.....	18
23.	LARANGAN RASUAH, SOGOKAN ATAU AKTIVITI HARAM.....	19
24.	SUBKONTRAK	20
25.	SERAH HAK	20
26.	PINDAAN	20
27.	PENEPIAN HAK.....	20
28.	NOTIS	20
29.	UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI KEPADA PERJANJIAN	21
30.	PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG	21
31.	KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM.....	21
32.	MASA	21
33.	LAMPIRAN-LAMPIRAN	22
34.	KEBOLEHASINGAN (" <i>SEVERABILITY</i> ").....	22
35.	KEUTAMAAN (" <i>PRECEDENCE</i> ")	22
36.	KESELURUHAN PERJANJIAN	22
37.	IKATAN PERJANJIAN	22

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA
LAMPIRAN 1	SURAT SETUJU TERIMA DAN SURAT PENGESAHAN PENERIMAAN
LAMPIRAN 2	SURAT ARAHAN MENJALANKAN KERJA
LAMPIRAN 3	SKOP KERJA
LAMPIRAN 4	SPEKIFIKASI TEKNIKAL
LAMPIRAN 5	JADUAL BAYARAN
LAMPIRAN 6	JADUAL PERLAKSANAAN
LAMPIRAN 7	SENARAI KAKITANGAN TEKNIKAL
LAMPIRAN 8	PAKAR BIDANG KHUSUS
LAMPIRAN 9	SALINAN BON PELAKSANAAN
LAMPIRAN 10	SALINAN POLISI INSURANS
LAMPIRAN 11	KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

PERJANJIAN ini dibuat pada hari bulan tahun

ANTARA

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR (selepas ini dirujuk sebagai "**Datuk Bandar**"), sebuah perbadanan tunggal yang ditubuhkan dibawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta 190] yang beralamat di Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur;

DENGAN

<**NAMA SYARIKAT**> (**No. Syarikat:**), sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan mempunyai alamat berdaftar di <**ALAMAT SYARIKAT**> (kemudian daripada ini disebut "**KONTRAKTOR**" di pihak yang satu lagi.

DATUK BANDAR dan **KONTRAKTOR** akan dirujuk secara individu sebagai "Pihak" atau secara kolektif sebagai "Kedua-dua Pihak".

BAHAWASANYA

- A. **DATUK BANDAR** berhasrat untuk memperoleh <**NAMA TENDER/SEBUTHARGA**> (selepas ini disebut "Penyelenggaraan") tertakluk kepada terma dan syarat dalam Perjanjian ini.
- B. Melalui Surat Setuju Terima bertarikh <**TARIKH SST**> , **DATUK BANDAR** bersetuju untuk memperoleh Penyelenggaraan tersebut daripada **KONTRAKTOR**, dan melalui Surat Pengesahan Penerimaan bertarikh <**TARIKH PENGESAHAN PENERIMAAN**> (kemudian daripada ini secara kolektif disebut sebagai "**SST**"), **KONTRAKTOR** bersetuju menerima perantukan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam SST dan Perjanjian ini. Salinan SST adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
- C. **DATUK BANDAR** kemudiannya telah mengeluarkan Surat Arahan Mula Kerja bertarikh <**tarikh surat arahan mula kerja**> kepada **KONTRAKTOR** dan salinan surat tersebut dilampirkan sebagai **LAMPIRAN 2** dalam Perjanjian ini.
- D. **KONTRAKTOR** bersetuju untuk melaksanakan Penyelenggaraan tersebut mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam SST, Surat Arahan Mula Kerja dan Perjanjian ini.

DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI seperti berikut:

1. TAKRIF DAN TAFSIRAN

1.1 Takrif:

Bagi maksud Perjanjian ini, ungkapan berikut akan, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai makna-makna berikut:

Pegawai Penguasa : merujuk kepada pegawai yang diwakilkan kuasa oleh Datuk Bandar bagi menyelia pelaksanaan Penyelenggaraan tersebut;

Perkakasan dan Perisian : merujuk kepada semua peralatan rangkaian, pelayan (*server*) serta semua aksesori atau peranti yang berkaitan sebagaimana yang disenaraikan dalam **LAMPIRAN 4**;

- Perkakasan** : merujuk kepada keseluruhan peralatan fizikal termasuklah tetapi tidak terhad kepada semua *server*, *switch*, *terminal*, *router*, *booster*, *UPS server*, *Laptop*, pencetak, aksesori, semua jenis kabel dan *peripheral* yang berkaitan dengan sistem seperti mana yang disenaraikan di **LAMPIRAN 4**;
- Perisian** : merujuk kepada semua *program* dan *procedure* yang berkaitan dengan pengoperasian sesuatu sistem komputer termasuklah Sistem Pengoperasian, *Virtual Machine*, perisian Pangkalan Data, Antivirus, perisian *backup* data perisian *device driver* yang berkaitan dengan *Server*, *PC* atau mana-mana *device* dan lain-lain seperti mana yang disenaraikan di **LAMPIRAN 4**;
- Pengguna** : merujuk kepada pengguna yang dibenarkan untuk mengguna dan mengoperasi sistem tersebut;
- Sokongan Operasi** : merujuk kepada kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti harian yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kelancaran operasi sistem Penyelenggaraan tersebut;
- Helpdesk** : merujuk kepada meja bantuan yang akan dibekalkan oleh **KONTRAKTOR** bagi membantu Pengguna menyalurkan aduan berkaitan kerosakan Perkakasan dan Perisian;
- First Level Support** : merujuk kepada khidmat sokongan oleh *onsite Helpdesk Team* yang beroperasi 24 jam sehari 7 hari seminggu;
- Second Support Level** : merujuk kepada khidmat sokongan oleh *onsite maintenance and operation support team* pihak **KONTRAKTOR** yang ditempatkan secara tetap;
- Third Support' Level** : merujuk kepada khidmat sokongan yang diberikan oleh *principal* yang terlibat dengan sistem.

1.2 Tafsiran

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, tafsiran di dalam Perjanjian ini adalah seperti berikut –

- (a) resital-resital, mukadimah, klausa-klausa, lampiran-lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN-LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini hendaklah dianggap, diambil kira, dibaca dan ditafsirkan sebagai penting dan membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (b) sebarang rujukan kepada resital, mukadimah, klausa, lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini adalah ditafsirkan sebagai rujukan kepada resital, mukadimah, klausa, lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (c) semua rujukan kepada peruntukan undang-undang adalah termasuk peruntukan yang telah dipinda, disemak dan dicetak semula;

- (d) tajuk dan subtajuk kepada klausa dalam Perjanjian ini adalah hanya untuk mempermudah rujukan sahaja dan tidak harus menjejaskan pentafsiran dan maksud ayat dalam Perjanjian ini;
- (e) perkataan yang membawa maksud jantina lelaki adalah juga merujuk kepada jantina perempuan dan juga sebaliknya;
- (f) perkataan yang membawa maksud satu boleh juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya;
- (g) perkataan yang merujuk kepada orang perseorangan adalah juga merujuk kepada kumpulan perseorangan, syarikat, perbadanan, firma atau rakan kongsi sama ada diperbadankan ataupun tidak diperbadankan;
- (h) apa-apa perkataan atau ungkapan yang ditakrifkan dalam Perjanjian ini adalah juga termasuk olahan tatabahasa dan ungkapan perkataan yang ditakrifkan;
- (i) sekiranya rujukan berkaitan dengan masa bagi sesuatu perbuatan yang harus dilakukan atau sesuatu persetujuan dicapai atau kebenaran diberikan, rujukan tersebut harus dianggap dibaca bersama ungkapan tersebut atau "mana-mana tempoh yang dipersetujui secara bertulis antara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa";
- (j) apa-apa syarat atau terma teknikal yang tidak ditakrifkan secara khusus dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan menurut penggunaan atau definisi yang biasa diterima oleh mereka yang terlibat di dalam bidang dan industri ini di Malaysia;
- (k) apa-apa rujukan kepada "hari bekerja" bagi **DATUK BANDAR** hendaklah merujuk kepada hari Isnin hingga Jumaat bagi mana-mana negeri yang cuti hujung minggunya jatuh pada hari Sabtu dan Ahad dan hari Ahad hingga Khamis bagi mana-mana negeri yang cuti hujung minggunya jatuh pada hari Jumaat dan Sabtu;
- (l) apa-apa rujukan kepada kaedah secara bertulis atau notis adalah termasuk sebarang komunikasi yang dihantar secara pos berdaftar berbayar, kabel, faksimili, mel elektronik atau cara lain yang sama dengannya;
- (m) perkataan "termasuk" hendaklah memberikan makna atau tafsiran apa-apa perkara lain berkenaan dengan Perjanjian ini atau Perkhidmatan selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu dan perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu adalah antara sebahagian daripada contoh-contoh mengikut mana yang berkenaan;
- (n) mana-mana rujukan kepada "hari", "minggu", "bulan" atau "tahun" adalah merupakan rujukan kepada hari, minggu, bulan dan tahun tersebut menurut kalendar Gregory;
- (o) apa-apa rujukan kepada "kelulusan" atau "kebenaran" hendaklah bermaksud kelulusan atau kebenaran secara bertulis, melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (p) apa-apa rujukan kepada "Kedua-dua Pihak" hendaklah merujuk kepada pihak-pihak di dalam Perjanjian ini;
- (q) apa-apa LAMPIRAN, lampiran, dokumen, nota atau penerangan yang dirujuk dalam Perjanjian ini dan apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi bertulis

padanya hendaklah ditafsirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini; dan

- (r) pernyataan “Perjanjian”, “Kontrak” atau pernyataan lain yang sama hendaklah mengandungi klausa yang terkandung dalam Perjanjian ini dan termasuk apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi dan perjanjian tambahan secara bertulis padanya.

2. SKOP PERJANJIAN

- 2.1 **DATUK BANDAR** bersetuju melantik **KONTRAKTOR** untuk melaksanakan Penyelenggaraan tersebut dan **KONTRAKTOR** bersetuju menerima pelantikan tersebut berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini. Pihak-pihak selanjutnya bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan Penyelenggaraan tersebut selaras dengan SST dan Surat Arahan Mula Kerja yang kesemuanya adalah merupakan sebahagian Perjanjian ini.

3. HARGA KONTRAK

- 3.1. Tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya oleh **KONTRAKTOR** terhadap semua terma dan syarat dalam Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** bersetuju membayar kepada **KONTRAKTOR** sejumlah **RINGGIT MALAYSIA**< jumlah harga ditulis dengan perkataan> (RM<ditulis dengan angka>) SAHAJA (“Harga Kontrak”) sebagai balasan kepada pelaksanaan Penyelenggaraan tersebut oleh **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini.
- 3.2 Tertakluk kepada subklausa 3.1 di atas, **DATUK BANDAR** hendaklah membayar kepada **KONTRAKTOR** untuk Penyelenggaraan tersebut mengikut Jadual Bayaran di **LAMPIRAN 5** dalam tempoh empat belas (14) hari selepas dokumen-dokumen berikut diterima dengan lengkap dan sempurna oleh **DATUK BANDAR**:
- (a) dua (2) salinan invois termasuk satu (1) salinan asal;
 - (b) perakuan penyiapan kerja Penyelenggaraan tersebut yang telah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa sebagai pengesahan bahawa Penyelenggaraan tersebut telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan; dan
 - (c) dokumentasi lain yang akan ditentukan oleh **DATUK BANDAR** (sekiranya ada).
- 3.3 Pembayaran akan dibuat berdasarkan Penyelenggaraan yang telah dilaksanakan dengan sempurna dan disahkan memenuhi skop Penyelenggaraan oleh **DATUK BANDAR**.
- 3.4 Walau apa jua yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** tidak terikat untuk membayar keseluruhan Harga Kontrak dalam tempoh kuat kuasa Perjanjian ini. Pihak-Pihak bersetuju bahawa **DATUK BANDAR** sentiasa mempunyai hak pada bila-bila masa untuk menilai semula Harga Kontrak dari semasa ke semasa.
- 3.5 Pembayaran kepada **KONTRAKTOR** tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa Penyelenggaraan tersebut dilaksanakan mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini. Pembayaran oleh **DATUK BANDAR** tidak melepaskan **KONTRAKTOR** atas tanggungjawabnya di bawah klausa lain yang berkaitan di bawah Perjanjian ini.

4. TEMPOH KONTRAK DAN PELANJUTAN

- 4.1 Tanpa mengira tarikh Perjanjian ini ditandatangani, Tempoh Kontrak ini adalah selama <**TEMPOH KONTRAK**> (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tempoh Kontrak”), dan hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa mulai <**TARIKH MULA**> (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tarikh Mula”)

hingga <**TARIKH AKHIR**> (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tarikh Tamat”) melainkan Perjanjian ini dilanjutkan atau ditamatkan lebih awal selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian ini.

4.2 Lanjutan Tempoh Kontrak

- (a) Sekiranya **DATUK BANDAR** mengambil keputusan untuk membuat lanjutan kepada Tempoh Kontrak, **DATUK BANDAR** hendaklah memberi notis bertulis mengenainya dalam masa tiga (3) bulan kepada **KONTRAKTOR** sebelum Tarikh Tamat Perjanjian dan **KONTRAKTOR** hendaklah melanjutkan Tempoh Kontrak sebagaimana yang diperlukan oleh **DATUK BANDAR** menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak.
- (b) Sekiranya **KONTRAKTOR** berhasrat untuk melanjutkan Tempoh Kontrak, **KONTRAKTOR** hendaklah memberi notis bertulis kepada **DATUK BANDAR** mengenainya dalam masa tiga (3) bulan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian. Setelah menerima permohonan tersebut, **DATUK BANDAR** mempunyai hak mutlak dalam menentukan permohonan lanjutan tersebut dan apa-apa lanjutan yang dipersetujui akan dibuat menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak. Bagi mengelakkan kekeliruan, **DATUK BANDAR** tidak akan mempertimbangkan sebarang notis bertulis yang dikemukakan oleh **KONTRAKTOR** kurang dari tiga (3) bulan dan adalah tertakluk kepada Ganti Rugi Tetap di Klausa 10 Perjanjian ini.

4.3 Sekiranya Pihak-Pihak bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Kontrak, pelanjutan tersebut hendaklah dibuat melalui suatu perjanjian tambahan yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Namun, jika tiada persetujuan dicapai, Perjanjian ini akan tamat serta merta pada Tarikh Tamat Perjanjian.

5. BON PELAKSANAAN

5.1 **KONTRAKTOR** dengan ini mengemukakan kepada **DATUK BANDAR** suatu Bon Pelaksanaan bernilai **RINGGIT MALAYSIA <jumlah dalam perkataan> (RM<dalam angka>) SAHAJA**, yang tidak boleh dibatalkan oleh sebuah bank atau institusi kewangan. Bon Pelaksanaan ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat pengesahan penerimaan SST. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah berkuat kuasa dari Tarikh Mula Perjanjian ini sehingga DUA BELAS (12) BULAN selepas Tarikh Tamat Perjanjian ini atau tarikh pelaksanaan terakhir Pembangunan Sistem tersebut, mengikut mana-mana yang terkemudian. Salinan bagi Bon Pelaksanaan adalah seperti di **LAMPIRAN 9**.

5.2 Walau apa pun yang terkandung di dalam Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** berhak pada bila-bila masa untuk menuntut sebahagian atau keseluruhan Bon Pelaksanaan sekiranya **KONTRAKTOR** gagal untuk melaksanakan atau memenuhi obligasinya di bawah Perjanjian ini, atau jika **KONTRAKTOR** melanggar mana-mana terma atau syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian ini.

5.3 Sekiranya pembayaran dibuat kepada **DATUK BANDAR** berikutan daripada apa-apa tuntutan terhadap Bon Pelaksanaan, **KONTRAKTOR** hendaklah mengemukakan satu Bon Pelaksanaan tambahan bagi jumlah yang tidak kurang dari amaun yang telah dibayar kepada **DATUK BANDAR** supaya amaun Bon Pelaksanaan kekal sepertimana yang dinyatakan pada subklausa 5.1.

6. REPRESENTASI DAN WARANTI

6.1 **KONTRAKTOR** dengan ini membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa -

- (a) **KONTRAKTOR** adalah sebuah syarikat yang sah ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia;

- (b) **KONTRAKTOR** mempunyai kapasiti di sisi undang-undang untuk memasuki dan melaksanakan obligasinya-obligasinya di bawah Perjanjian ini dan untuk menjalankan apa-apa transaksi dan menjalankan perniagaannya sebagaimana yang dihasratkan oleh Perjanjian ini;
 - (c) **KONTRAKTOR** telah dan masih berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia melainkan diberikan pengecualian bertulis oleh **DATUK BANDAR**;
 - (d) pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kontrak, pelaksanaan Perjanjian ini tidak menyalahi sebarang peruntukan sama ada –
 - (i) Memorandum dan Artikel Persatuan atau Perlembagaan Syarikat; atau
 - (ii) mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
 - (e) tiada tindakan litigasi, timbang tara, tuntutan cukai, pertikaian, liabiliti, indemniti atau apa-apa tindakan pentadbiran pada masa ini sedang diambil atau akan diambil atau pada pengetahuannya diancam akan diambil yang akan menyebabkan kesan yang teruk terhadap keupayaannya untuk melaksanakan obligasi kewangan atau obligasi lainnya di bawah Perjanjian ini;
 - (f) **KONTRAKTOR** telah mengambil langkah yang patut dan perlu untuk membolehkannya menandatangani Perjanjian ini dan seterusnya melaksanakan klausa, terma, syarat dan peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian ini;
 - (g) Perjanjian ini merupakan suatu obligasi **KONTRAKTOR** yang sah, sah dan mengikat serta boleh dikuatkuasakan menurut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini;
 - (h) **KONTRAKTOR** mempunyai kemahiran dan kepakaran bagi melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan di bawah Perjanjian ini;
 - (i) **KONTRAKTOR** mempunyai pegawai dan kakitangan yang kompeten dalam Penyelenggaraannya untuk memberikan Penyelenggaraan tersebut;
 - (j) **KONTRAKTOR** mempunyai kemampuan kewangan dan teknikal yang cukup untuk melaksanakan Perjanjian ini;
 - (k) **KONTRAKTOR** mempunyai kemahiran dan kepakaran bagi melaksanakan tugas-tugas dan obligasi-obligasi di bawah Perjanjian ini;
 - (l) tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti haram atau menyalahi undang-undang telah digunakan untuk mendapatkan hak untuk melaksanakan Penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini; dan
- KONTRAKTOR** mengakui bahawa **DATUK BANDAR** memasuki Perjanjian ini atas keyakinan representasi dan waranti di atas.

6.2 **KONTRAKTOR** selanjutnya membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausa 6.1 di atas hendaklah kekal benar dan tepat dalam semua aspek material sepanjang Tempoh Kontrak kecuali klausa 6.1(e).

7. OBLIGASI KONTRAKTOR

7.1 Am

KONTRAKTOR hendaklah –

- (a) melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik berdasarkan amalan pengurusan yang baik, mengutamakan kepentingan **DATUK BANDAR** dan hendaklah mematuhi undang-undang semasa;
- (b) memberitahu **DATUK BANDAR** dengan serta-merta apabila **KONTRAKTOR** menerima Perintah Kebankrapan atau Perintah Penggulangan, dan dalam keadaan **KONTRAKTOR** hendak menghentikan perniagaan mereka, **KONTRAKTOR** hendaklah memberitahu **DATUK BANDAR** sekurang-kurangnya TIGA PULUH (30) HARI sebelum perniagaannya dihentikan;
- (c) memastikan apa-apa isu yang mungkin berbangkit antara **KONTRAKTOR** dengan mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Penyelenggaraan, termasuklah berkaitan dengan Penyelenggaraan tersebut, dan apa-apa perkara lain, hendaklah ditangani dan diselesaikan oleh **KONTRAKTOR** dan tidak boleh dikaitkan dengan **DATUK BANDAR** dengan apa cara jua atau menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**;
- (d) memaklumkan kepada **DATUK BANDAR** secara bertulis dengan serta merta apabila berlaku apa-apa faktor atau kejadian yang boleh menjejaskan pelaksanaan Penyelenggaraan ini;
- (e) memastikan bahawa pekerja, ejen-ejen atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak **KONTRAKTOR** tidak secara sengaja mengambil atau merosakkan peralatan pejabat dan barang-barang di dalam premis **DATUK BANDAR** dalam apa-apa juga keadaan;
- (f) melaksanakan Penyelenggaraan dengan memuaskan hati **DATUK BANDAR** menurut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Perjanjian ini;
- (g) mematuhi arahan wakil **DATUK BANDAR**;
- (h) memastikan pasukan projek termasuk semua kakitangan dan personal **KONTRAKTOR**, pembekal dan pihak ketiga mematuhi semua arahan dan peraturan yang berkuatkuasa di premis **DATUK BANDAR**; dan
- (i) membenarkan **DATUK BANDAR** untuk membuat pemeriksaan pada bila-bila masa bagi memastikan Penyelenggaraan tersebut disempurnakan dengan baik.

7.2 Pelaksanaan Penyelenggaraan

KONTRAKTOR hendaklah –

- (a) melaksanakan Penyelenggaraan tersebut mengikut Skop Kerja yang ditentukan di **LAMPIRAN 3** dan membekalkan Spesifikasi Teknikal seperti dalam **LAMPIRAN 4** berdasarkan Jadual Pelaksanaan yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN 6**;
- (b) memberi jaminan bahawa semua Perkakasan dan Perisian yang berkaitan dengan Penyelenggaraan ini, yang dibekalkan kepada **DATUK BANDAR**, sekiranya ada, dalam menjalankan Penyelenggaraan tersebut adalah dimiliki oleh **KONTRAKTOR** dan tidak melanggar undang-undang yang berkaitan dengan paten atau hak cipta harta intelek, dan **KONTRAKTOR** bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya terjadi apa-apa tuntutan daripada pelanggaran paten dan hak cipta harta intelek itu dan akan menyelesaikan apa-

apa tuntutan dengan tanpa menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**;

- (c) melaksanakan atau memastikan pelaksanaan Helpdesk, Sokongan Operasi, *First Level Support*, *Second Level Support* dan *Third Level Support* untuk **DATUK BANDAR**;
- (d) menjalankan Penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan pembaikan serta Sokongan Operasi bagi Penyelenggaraan tersebut adalah sentiasa berfungsi dengan baik;
- (e) memastikan pasukan projek yang mahir, cekap, berkecuali dan berpengalaman mengikut senarai kakitangan teknikal seperti di **LAMPIRAN 7**. Sekiranya berlaku perubahan senarai kakitangan teknikal, Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar perubahan tersebut dan Datuk Bandar mempunyai hak samada untuk menerima atau menolak perubahan tersebut. Sekiranya Datuk Bandar menerima, maka senarai kakitangan teknikal yang baharu adalah merupakan sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (f) memastikan pakar bidang khusus dilantik iaitu pakar yang akan mempunyai keupayaan intelektual dan kepakaran tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran berkaitan Penyelenggaraan ini. Individu yang dinamakan sebagai pakar bidang khusus seperti di **LAMPIRAN 8** adalah bertanggungjawab dan tertakluk kepada liabiliti khusus secara individu terhadap Penyelenggaraan berkaitan Perjanjian ini. Sekiranya berlaku perubahan pakar bidang khusus, Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar perubahan tersebut dan Datuk Bandar mempunyai hak samada untuk menerima atau menolak perubahan tersebut. Sekiranya Datuk Bandar menerima, maka pakar bidang khusus yang baharu adalah merupakan sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (g) mematuhi dan melaksanakan Keperluan Tahap Perkhidmatan di dalam **LAMPIRAN 11**;
- (h) memastikan pasukan projek mematuhi dan melaksanakan Skop Kerja yang diperuntukkan;
- (i) melaksanakan pelan latihan dan "Transfer of Technology" (TOT);
- (j) mengganti rugi **DATUK BANDAR** atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Peralatan dan Perisian yang berpunca daripada kelalaiian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh **KONTRAKTOR**, pekerjanya, ejen-ejennya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya; dan
- (k) menjamin sistem kekal stabil, berfungsi sempurna dan bebas dari kecacatan dan ralat sistem selama tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Tamat Kontrak. Sekiranya berlaku kegagalan atau kecacatan sistem, kontraktor hendaklah membaiki tanpa kos kepada Datuk Bandar, dan jika gagal Datuk Bandar berhak menuntut melalui Bon Pelaksanaan.

7.3 Insurans

Dengan kos dan perbelanjaan sendiri, Kontraktor mengemukakan insurans yang sah laku di sepanjang Tempoh Penyelenggaraan ini di atas nama Datuk Bandar serta membayar apa-apa premium insurans yang berkaitan Penyelenggaraan. Salinan polisi Insurans yang sah dilampirkan di **LAMPIRAN 10** Perjanjian ini. Kewajipan Kontraktor dalam mengemukakan insurans adalah turut meliputi:-

- (a) Insurans Pampasan Pekerja (“Workmen’s Compensation Insurance”) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Pekerja (PERKESO); dan
- (b) Perlindungan Keseluruhan (*Contractor’s All Risk Policy*) termasuk (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) untuk tiap-tiap kejadian bencana.

8. **OBLIGASI DATUK BANDAR**

DATUK BANDAR hendaklah –

- (a) tertakluk kepada pematuhan **KONTRAKTOR** terhadap terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, membuat pembayaran bagi Penyelenggaraan yang disediakan oleh **KONTRAKTOR** menurut peruntukan Perjanjian ini;
- (b) memaklumkan kepada **KONTRAKTOR** mengenai pegawai yang perlu dihubungi di premis **DATUK BANDAR** sewaktu kerja-kerja pelaksanaan Penyelenggaraan tersebut dilakukan oleh **KONTRAKTOR**;
- (c) membenarkan **KONTRAKTOR** dan ejen-ejen yang diberi kuasa, berserta atau tanpa pekerja-pekerja lain pada masa yang sesuai dan setelah notis bertulis yang munasabah diberikan terlebih dahulu dan menjalankan Penyelenggaraan tersebut tertakluk kepada **KONTRAKTOR** mematuhi peraturan dan arahan **DATUK BANDAR**;
- (d) tidak membenarkan pihak lain selain daripada **KONTRAKTOR** untuk menjalankan Penyelenggaraan tersebut melainkan wujudnya keadaan di mana pihak **KONTRAKTOR** gagal menjalankan Penyelenggaraan tersebut menurut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini; dan
- (e) melantik pakar bidang khusus dan memaklumkan kepada **KONTRAKTOR** mengenai pegawai yang perlu dihubungi sewaktu kerja-kerja Penyelenggaraan tersebut dilakukan oleh **KONTRAKTOR**.

9. **HAK DATUK BANDAR MEMOTONG DARIPADA WANG YANG PERLU DIBAYAR KEPADA KONTRAKTOR (SET OFF)**

9.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal atau enggan membayar suatu amaun penalti, ganti rugi, pampasan atau lain-lain tuntutan yang dikenakan terhadap **KONTRAKTOR** menurut Perjanjian ini, maka **DATUK BANDAR** berhak memotong daripada apa-apa wang yang perlu dibayar oleh **DATUK BANDAR** kepada **KONTRAKTOR** bagi maksud pembayaran tersebut dan sekiranya wang yang perlu dibayar oleh **DATUK BANDAR** kepada **KONTRAKTOR** itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan **DATUK BANDAR**, **DATUK BANDAR** berhak menuntut baki tuntutan itu terus daripada **KONTRAKTOR** dan **KONTRAKTOR** hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya empat belas (14) hari selepas menerima tuntutan itu. Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. Klausula 9 ini hendaklah terus berkuatkuasa walaupun Perjanjian ini tamat atau ditamatkan.

9.2 Kegagalan atau keengganan **KONTRAKTOR** membayar kos, pampasan atau penalti di bawah Perjanjian ini memberi hak kepada **DATUK BANDAR** untuk merampas Bon Pelaksanaan.

10. **GANTI RUGI TETAP (LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES)**

10.1 Bagi hal Penyelenggaraan tersebut yang lewat diserahkan atau tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang telah ditetapkan di **LAMPIRAN 6**, tanpa prejudis kepada lain-lain remedi yang

diperuntukkan di bawah Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** berhak untuk mengenakan Ganti Rugi Tetap sebanyak **RM.....** sehari bagi setiap hari kelewatan Penyelenggaraan sehingga Penyelenggaraan dilaksanakan dengan sempurna.

- 10.2 Sekiranya **KONTRAKTOR** berhasrat untuk memohon lanjutan masa bagi membekalkan Penyelenggaraan tersebut yang lewat diserahkan seperti yang dinyatakan di Klausa 4.2(b) di atas, **DATUK BANDAR** mempunyai hak mutlak dalam menentukan pelanjutan masa tersebut dan apa-apa lanjutan yang dipersetujui akan dibuat menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak. **DATUK BANDAR** boleh mempertimbangkan untuk memberikan lanjutan masa tanpa mengenakan sebarang denda tetapi sekiranya denda dikenakan sepertimana yang tertera di subklausa 10.1, **DATUK BANDAR** hendaklah menyerahkan notis untuk tujuan tersebut kepada **KONTRAKTOR**.

11. HAK DATUK BANDAR APABILA MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA PENYELENGGARAAN TERSEBUT TIDAK DISERAHKAN

- 11.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal atau enggan untuk menyerahkan atau melaksanakan keseluruhan atau sebahagian Penyelenggaraan, **DATUK BANDAR** tanpa prejudis kepada remedi-remedi lain yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini, berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan keseluruhan atau sebahagian Penyelenggaraan yang gagal atau enggan diserahkan atau dilaksanakan oleh **KONTRAKTOR** dan semua kos yang telah dibayar oleh **DATUK BANDAR** kepada pihak ketiga itu hendaklah ditolak daripada kos yang sepatutnya dibayar kepada **KONTRAKTOR**.
- 11.2 Jika harga bagi mendapatkan keseluruhan atau sebahagian Penyelenggaraan daripada pihak ketiga melebihi harga dalam Perjanjian ini, **KONTRAKTOR** hendaklah membayar perbezaan harga yang terlibat sebagai pampasan kepada **DATUK BANDAR**. Kegagalan **KONTRAKTOR** membayar kos, denda dan pampasan dalam subklausa ini akan memberi hak kepada **DATUK BANDAR** untuk merampas Bon Pelaksanaan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas **KONTRAKTOR**.
- 11.3 Bagi tujuan klausa ini, maksud 'gagal atau enggan' hendaklah secara keseluruhannya ditentukan oleh **DATUK BANDAR**. Segala penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar oleh **KONTRAKTOR**.

12. KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

- 12.1 **KONTRAKTOR** hendaklah melaksanakan kerja-kerja Pembangunan Sistem mengikut Keperluan Tahap Perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam **LAMPIRAN 11**. Ini termasuk pematuhan terhadap tahap kecekapan, masa respons, penyelesaian masalah, dan ketersediaan sistem seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian ini. Keperluan ini bertujuan memastikan Pembangunan Sistem berfungsi secara optimum serta memenuhi kehendak operasi **DATUK BANDAR** tanpa gangguan yang boleh menjejaskan Pengguna.
- 12.2 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal menyempurnakan kerja-kerja pembaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan di dalam **Keperluan Tahap Perkhidmatan**, **DATUK BANDAR** berhak mengenakan penalti ke atas **KONTRAKTOR**. Penalti ini akan dikira berdasarkan kaedah yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN 11**, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemotongan dari Harga Kontrak atau sebarang tindakan remedi lain yang bersesuaian bagi memastikan **KONTRAKTOR** bertanggungjawab atas ketidaksempurnaan tersebut.

13. PERMINTAAN PERUBAHAN

- 13.1 Bagi tujuan pemakaian klausa ini, permintaan perubahan adalah merujuk kepada perkara-perkara yang berikut:
- (a) keperluan diluar daripada Skop Kerja dan laporan User Requirement Study (URS) yang ditetapkan dan dipersetujui;
 - (b) perubahan polisi atau prosidur; atau
 - (c) apa-apa perkara lain yang difikirkan dan dipersetujui oleh Pihak-Pihak sebagai satu keperluan dari masa ke semasa.
- 13.2 Pembayaran bagi mana-mana Permintaan Perubahan yang diluluskan akan dikira berdasarkan kadar man-days (sekiranya berkaitan) atau sepertimana yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak. Semua permintaan perubahan yang diluluskan akan diselaraskan dengan Harga Kontrak dan bayaran akan dikemaskini melalui Perjanjian Tambahan (jika perlu). Sebarang perubahan yang melibatkan kos tambahan akan diukur berdasarkan penilaian yang adil, dan pembayaran akan dibuat tertakluk kepada terma komersial yang akan dibincang dan dipersetujui oleh kedua-dua Pihak.

14. PENYEDIAAN LAPORAN, DOKUMENTASI DAN MANUAL

- 14.1 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan laporan-laporan berkaitan pelaksanaan Penyelenggaraan tersebut dan hendaklah dikemukakan kepada **DATUK BANDAR** dalam tempoh yang ditetapkan oleh **DATUK BANDAR**.
- 14.2 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) salinan semua dokumentasi, manual atau laporan yang telah dikemas kini yang berkaitan dengan semua aktiviti bagi Penyelenggaraan tersebut. Segala kerja-kerja penggantian peralatan dan servis yang diberikan kepada Pengguna perlu direkodkan.
- 14.3 **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan sebarang perubahan pada mana-mana modul atau fungsi perlu mendapat kelulusan **DATUK BANDAR**.
- 14.4 **KONTRAKTOR** hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut tanpa sebarang bayaran tambahan dikenakan kepada **DATUK BANDAR**:
- (a) Menyediakan dokumentasi sistem terutama apabila ada pembaikan atau perubahan yang telah dibuat;
 - (b) Mengemas kini dokumentasi dan memastikan dokumentasi yang dibekalkan adalah terkini; dan
 - (c) Menjana dan menyediakan laporan-laporan adhoc apabila diperlukan oleh **DATUK BANDAR** termasuklah menjana data mengikut keperluan Pengguna.

15. LATIHAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI

- 15.1 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan latihan-latihan dan program pemindahan teknologi yang akan dihadiri oleh pegawai-pegawai yang akan dipilih oleh pihak **DATUK BANDAR**.
- 15.2 **KONTRAKTOR** hendaklah melatih kakitangan **DATUK BANDAR** supaya mereka menjadi cekap dan semua Perkasasan dan Perisian dapat diselenggara oleh pegawai-pegawai **DATUK BANDAR** pada akhir Tempoh Kontrak ini.
- 15.3 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan program latihan yang komprehensif kepada pegawai-pegawai **DATUK BANDAR** bagi memastikan pemindahan teknologi ini berjalan lancar.

- 15.4 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan garis panduan dan bahan rujukan komprehensif dalam program pemindahan teknologi ini untuk **DATUK BANDAR**.

16. **KEMUNGKIRAN OLEH KONTRAKTOR DAN PENAMATAN**

- 16.1 Penamatan oleh **DATUK BANDAR** Atas Kemungkiran Perjanjian

- 16.1.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** tanpa apa-apa sebab yang munasabah -

- (a) menangguhkan pelaksanaan keseluruhan Penyelenggaraan tersebut daripada masa yang ditetapkan;
- (b) gagal melaksanakan keseluruhan Penyelenggaraan secara tekun dan berterusan;
- (c) gagal mematuhi atau melaksanakan keseluruhan Penyelenggaraan atau gagal menjalankan obligasi seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian ini; dan/atau
- (d) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat atau terma Perjanjian ini;
- (e) menolak atau secara berterusan gagal mematuhi notis bertulis daripada Pegawai Penguasa berkenaan;
- (f) gagal mematuhi mana-mana representasi yang dibuat dibawah klausa 6;
- (g) gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini; dan/atau
- (h) gagal melaksanakan Skop Kerja mengikut Keperluan Tahap Perkhidmatan;

DATUK BANDAR boleh memberi notis bertulis kepada **KONTRAKTOR** dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta **KONTRAKTOR** untuk meremedikannya dalam tempoh EMPAT BELAS (14) HARI selepas tarikh notis itu. Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal untuk meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh yang dinyatakan atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh **DATUK BANDAR**, **DATUK BANDAR** berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis untuk tujuan penamatan tersebut dan merampas Bon Pelaksanaan.

- 16.1.2 Penamatan Oleh **DATUK BANDAR** Atas Kemungkiran Am

Sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Kontrak –

- (a) suatu perintah atau resolusi dibuat untuk menggulungkan **KONTRAKTOR**, kecuali untuk tujuan pembentukan semula atau penggabungan yang tidak melibatkan pelupusan aset yang mana kepentingan pemiutang adalah terpelihara;
- (b) **KONTRAKTOR** digulungkan atau pegawai penerima dilantik untuk menguruskan aset **KONTRAKTOR** atau **KONTRAKTOR** menyerahhak atau membuat apa-apa penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau memberhentikan pembayaran atau tidak berkemampuan untuk membayar hutang;
- (c) pelaksanaan dibuat terhadap sebahagian besar aset **KONTRAKTOR** kecuali ia telah memulakan tindakan dengan suci hati untuk mengeneipkan pelaksanaan tersebut;

- (d) KONTRAKTOR memberi kontrak kecil, memindah milik atau menyerahkan Perjanjian ini untuk dilaksanakan oleh pihak lain, tanpa persetujuan bertulis DATUK BANDAR;
- (e) suatu proses tahanan atau pelaksanaan atau proses-proses lain mahkamah yang berbidang kuasa telah dikenakan ke atas atau dikeluarkan kepada KONTRAKTOR atau terhadap mana-mana aset KONTRAKTOR; atau
- (f) berlaku atau berterusan berlaku apa-apa perkara atau keadaan lain berdasarkan pandangan munasabah oleh DATUK BANDAR akan menjejaskan keupayaan KONTRAKTOR atau menjadikan KONTRAKTOR tidak berupaya untuk melaksanakan Penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini,

DATUK BANDAR hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis mengenai penamatan kepada **KONTRAKTOR** dan dengan itu Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta-merta.

16.1.3 Penamatan oleh **DATUK BANDAR** Atas Sebab Rasuah atau Aktiviti-Aktiviti yang Menyalahi Undang-Undang

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak **DATUK BANDAR** yang lain, sekiranya **KONTRAKTOR**, atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya, sama ada dengan atau di luar pengetahuan **KONTRAKTOR** telah terbabit dengan kesalahan rasuah atau apa-apa aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dimeterai antara **DATUK BANDAR** dan **KONTRAKTOR** tersebut, sekiranya ada, **DATUK BANDAR** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada **KONTRAKTOR** bagi maksud itu.
- (b) Bagi mengelakkan keraguan, Kedua-dua Pihak dengan ini bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian termasuklah kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apa pun berikutan daripada penamatan Perjanjian ini.

16.1.4 Kesan-kesan Penamatan oleh **DATUK BANDAR**

Dalam keadaan di mana Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausula 16.1.1 hingga 16.1.3—

- (a) semua kuasa, obligasi dan hak yang diberikan kepada **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta merta;
- (b) **DATUK BANDAR** hendaklah—
 - (i) berhak menuntut daripada **KONTRAKTOR** ganti rugi, kerugian kos dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh **DATUK BANDAR** akibat penamatan Perjanjian ini;
 - (ii) membayar kepada **KONTRAKTOR** apa-apa bayaran yang perlu dibayar setakat tarikh notis penamatan Perjanjian;
 - (iii) mempunyai hak untuk menawarkan syarikat lain bagi tujuan menjalankan dan menyelesaikan Penyelenggaraan yang mana **KONTRAKTOR** hendaklah membayar kepada **DATUK BANDAR** apa-apa kos dan perbelanjaan tambahan yang wujud dan yang mana sepatutnya dibayar kepada **KONTRAKTOR** sekiranya Perjanjian ini

tidak ditamatkan;

- (c) **KONTRAKTOR** hendaklah –
- (i) dengan serta-merta menghentikan Penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini;
 - (ii) atas kos sendiri, mengosongkan dan mengalihkan dari Premis alat-alat yang tidak diperlukan oleh **DATUK BANDAR** dan **KONTRAKTOR**, subkontraktor, pekerja atau ejen dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis penamatan dan membaiki apa-apa kerosakan yang diakibatkan daripada pengalihan tersebut;
 - (iii) mengemukakan kepada **DATUK BANDAR** tuntutan beserta invoice dan dokumen sokongan berhubung dengan yang terhutang dan kena dibayar setakat tarikh notis penamatan untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada **DATUK BANDAR**;
 - (iv) menamatkan semua kontrak pihak ketiga yang melibatkan **KONTRAKTOR** berhubung dengan Penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini; dan
 - (v) menanggung apa-apa kerugian dan kerosakan yang dialami dan/ atau ditanggung oleh **DATUK BANDAR** akibat penamatan Perjanjian ini,

DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa penamatan ini tidak akan menjejaskan atau memberi kesan kepada hak mana-mana Pihak yang telah terakru sebelum tarikh Perjanjian ini ditamatkan ini dan apa-apa obligasi di bawah Perjanjian berhubung dengan apa-apa perbuatan tindakan, perkara atau hal yang berlaku yang wujud sebelum penamatan Perjanjian akan berterusan selepas Perjanjian ditamatkan.

16.2 Penamatan atas sebab Kepentingan Awam

16.2.1 Walau apa pun peruntukan di bawah Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada TIGA PULUH (30) HARI kepada **KONTRAKTOR** (tanpa apa-apa obligasi untuk menyatakan alasan berbuat demikian) setelah mempertimbangkan bahawa penamatan itu perlu untuk kepentingan awam, kepentingan keselamatan negara atau sebab polisi Datuk Bandar atau polisi awam.

16.2.2 Bagi tujuan klausa ini, apa yang mewujudkan “kepentingan awam”, “keselamatan negara”, “polisi Datuk Bandar” dan “polisi awam” hendaklah secara keseluruhannya dibuat dan ditentukan oleh **DATUK BANDAR** sepenuhnya. Segala penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar oleh **KONTRAKTOR**.

16.2.3 Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** tidak layak untuk menuntut apa-apa bentuk ganti rugi termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan atau apa-apa tuntutan lain berbangkit daripada penamatan Perjanjian ini.

16.2.4 Sekiranya penamatan dibuat di bawah Klausa 16.2 ini, maka peruntukan di bawah Klausa 16.1.4 akan terpakai.

16.3 Penyelesaian Penuh dan Muktamad

Kedua-dua Pihak bersetuju jika Perjanjian ini ditamatkan, **KONTRAKTOR** tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos,

perbelanjaan dan sebagainya selain yang diperuntukkan mengikut Klausa 16.1.4(b)(ii). Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa pembayaran oleh **DATUK BANDAR** menurut klausa-klausa tersebut adalah terjumlah kepada suatu penyelesaian penuh dan muktamad di antara Kedua-dua Pihak.

17. **FORCE MAJEURE**

17.1 DATUK BANDAR atau **KONTRAKTOR** hendaklah tidak melanggar obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini jika ia tidak dapat melaksanakan atau memenuhi mana-mana obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) akibat daripada berlakunya kejadian *Force Majeure*. Kejadian "*Force Majeure*" hendaklah bermaksud suatu peristiwa bukan di bawah kawalan Pihak yang terjejas, yang Pihak itu tidak dapat mencegah, mengelak atau menghindari, dan hendaklah bermaksud :

- (i) peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), permusuhan, serangan, tindakan musuh asing, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa, perang saudara, atau tindakan keganasan;
- (ii) radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear, daripada pembakaran bahan api nuklear, bahan letupan toksik radioaktif, atau sifat-sifat berbahaya yang lain daripada mana-mana bahan letupan, pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya;
- (iii) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau alat peranti aerial lain yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (iv) bencana alam (yang diisytiharkan oleh Kerajaan) yang berlaku disekitar kawasan pelaksanaan Perjanjian ini iaitu gempa bumi, banjir, penenggelaman, dan pembakaran spontan bawah tanah atau mana-mana operasi kuasa alam semula jadi, kilat dan cuaca yang sangat buruk;
- (v) rusuhan, kekecohan dan gangguan, kerosakan jenayah, sabotaj, mogok, sekat masuk, kekacauan buruh atau gangguan industri lain (yang menjejaskan pelaksanaan Perjanjian ini) yang bukan merupakan kesalahan Kontraktor, atau Datuk Bandar, yang menyebabkan, atau boleh dengan munasabahnya dijangka menyebabkan, mana-mana Pihak gagal untuk mematuhi obligasinya; ata
- (vi) pandemik atau epidemik;
- (vii) apa-apa peristiwa yang tidak dapat diramalkan yang memenuhi kriteria sebagaimana yang dinyatakan di bawah:
 - a) di luar kawalan munasabah Pihak yang terjejas oleh peristiwa itu, keadaan atau gabungan peristiwa atau keadaan;
 - b) yang tidak dapat diramalkan atau, jika dapat diramalkan, tidak boleh dihalang atau dielak atau diatasi oleh Pihak yang terjejas yang telah mengambil segala usaha yang wajar dan cermat
 - c) yang secara langsung menyebabkan Pihak yang terjejas tidak berupaya untuk mematuhi semua atau suatu bahagian material obligasinya di bawah Perjanjian ini; dan

- d) yang bukan akibat langsung pelanggaran oleh Pihak yang terjejas obligasinya di bawah Perjanjian ini,

DENGAN SYARAT BAHAWA kejadian *Force Majeure* hendaklah tidak termasuk kemerosotan ekonomi, ketiadaan atau kekurangan dana atau kekurangan pembiayaan di pihak **KONTRAKTOR** untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini.

- 17.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) atau yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah serta merta memaklumkan kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan mengemukakan laporan terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* tersebut dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini. Pihak itu juga hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut serta memitigasikan sebarang kelewatan atau gangguan dalam melaksanakan Perjanjian ini.
- 17.3 Jika Kedua-dua Pihak merasakan bahawa kejadian *Force Majeure* yang berlaku itu berada di tahap yang sebegitu teruk atau telah berterusan untuk suatu tempoh yang sebenarnya menggagalkan niat asal Perjanjian ini, Kedua-dua Pihak kepada Perjanjian ini bolehlah bersetuju bahawa Perjanjian ini boleh ditamatkan atas persetujuan bersama.
- 17.4 Mana-mana Pihak tidak berhak untuk bersandarkan kepada peruntukan-peruntukan dalam klausa ini melainkan sekiranya Kedua-dua Pihak telah berpuas hati bahawa kejadian *Force Majeure* benar-benar berlaku
- 17.5 **KONTRAKTOR** hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum **KONTRAKTOR** dapat melepaskan tanggungjawabnya mengikut Klausa 17.1.
- 17.6 Jika Perjanjian ini ditamatkan akibat daripada kejadian *Force Majeure* di bawah Klausa 17.1 di atas, semua hak dan obligasi Kedua-dua Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggungjawab terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- 17.7 Bagi mengelakkan keraguan, Kedua-dua Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi-obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

18. KERAHSIAAN

- 18.1 **KONTRAKTOR** adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] bagi setiap maklumat yang diperoleh daripada **DATUK BANDAR** sepanjang Tempoh Kontrak ini walaupun Tempoh Kontrak telah tamat dengan sendirinya atau Perjanjian ditamatkan dengan lebih awal mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Perjanjian ini.
- 18.2 Tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada **DATUK BANDAR, KONTRAKTOR** tidak boleh menyampaikan apa-apa maklumat sulit atau rahsia yang diperoleh oleh **KONTRAKTOR** semasa berurusan dengan **DATUK BANDAR** kepada mana-mana orang, syarikat, pertubuhan atau organisasi. **KONTRAKTOR** juga tidak boleh membuat kenyataan kepada orang awam mengenai apa-apa cadangan, penilaian atau pandangan yang dibuat berdasarkan kepada Perjanjian ini dan **KONTRAKTOR** juga tidak boleh membuat sebarang kenyataan akhbar mengenai perkara-perkara di atas tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada **DATUK BANDAR** terlebih dahulu.

- 18.3 Klausula 18 ini hendaklah terus berkuat kuasa walau pun setelah Perjanjian ini tamat atau ditamatkan atas apa-apa sebab sekalipun.

19. IKLAN

Tiada iklan atau maklumat mengenai Perjanjian ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah, laman web atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika iklan atau maklumat itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh **DATUK BANDAR** terlebih dahulu kecuali kepada Bursa Saham Malaysia.

20. HAK MILIK HARTA INTELEK

- 20.1 **KONTRAKTOR** menjamin bahawa semua Perkakasan dan Perisian yang dibekalkan, dihantar, dipasang, diuji, dikonfigurasi dan ditauliahkan kepada **DATUK BANDAR** adalah bukan dipinjam, diciplak serta tidak melanggar hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* pihak lain.
- 20.2 **KONTRAKTOR** hendaklah melindungi dan menanggung rugi **DATUK BANDAR** terhadap apa-apa tuntutan bagi pelanggaran apa-apa hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* berkenaan Perkakasan dan Perisian yang dihantar di bawah Perjanjian ini dan terhadap semua kos di mana **DATUK BANDAR** perlu menanggung bagi pelanggaran itu atau mana-mana tindakan yang berkaitan yang perlu bagi **DATUK BANDAR** bertanggungjawab.
- 20.3 Jika penggunaan atau pemilikan oleh **DATUK BANDAR** berkemungkinan membawa kepada apa-apa pelanggaran hak harta intelektual, maka **KONTRAKTOR** hendaklah dalam jangka masa yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak dan atas tanggungannya sendiri mendapatkan untuk **DATUK BANDAR** hak untuk terus menggunakan atau memiliki Perkakasan dan Perisian tersebut atau menggantikan Perkakasan dan Perisian tersebut untuk mengelakkan daripada pelanggaran hak harta intelektual (dalam keadaan ini, **KONTRAKTOR** hendaklah mengganti rugi kerugian langsung yang dialami atau ditanggung oleh **DATUK BANDAR** semasa penggantian itu).
- 20.4 **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat apa-apa tuntutan daripada mana-mana pihak di atas pelanggaran hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* sekiranya ada semasa melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini atau selepas Perjanjian ini tamat dan **KONTRAKTOR** hendaklah menyelesaikan tuntutan tersebut dengan tanpa menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**.

21. KESELAMATAN DAN KAWALAN DATA

- 21.1 **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab ke atas kerahsiaan, keselamatan, kemusnahan, kerosakan dan/atau kehilangan mana-mana dokumen, fail dan maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian ini. **KONTRAKTOR** juga hendaklah memastikan usaha-usaha yang sewajarnya telah diambil supaya mana-mana dokumen, fail dan maklumat yang dibekalkan oleh **DATUK BANDAR** tidak disalurkan kepada pihak ketiga melainkan telah mendapat persetujuan bertulis daripada **DATUK BANDAR**.
- 21.2 **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan, kemusnahan atau kehilangan dokumen, fail dan maklumat **DATUK BANDAR** seperti mana yang terkandung di Klausula 21.1 di atas termasuk sumber-sumber dokumen dan/atau maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian ini yang disebabkan oleh kecuaiannya **KONTRAKTOR** atau ejen-ejennya. Suatu penalti yang akan ditentukan oleh **DATUK BANDAR** akan dikenakan kepada **KONTRAKTOR** bagi kerosakan, kemusnahan dan/atau kehilangan ke atas setiap sumber dokumen, fail dan/atau maklumat yang berkaitan.

- 21.3 Mana-mana data, dokumen, fail dan maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian ini yang dibekalkan oleh **DATUK BANDAR** sepanjang Perjanjian ini adalah hakmilik **DATUK BANDAR** sepenuhnya, termasuk apa-apa terbitan (*derivative*) daripada data, dokumen, fail dan maklumat tersebut. **KONTRAKTOR** tidak dibenarkan membuat salinan mana-mana data, dokumen, fail dan maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian tanpa kebenaran bertulis **DATUK BANDAR**.

22. INDEMNITI

- 22.1 **KONTRAKTOR** bersetuju dengan **DATUK BANDAR** bahawa:

22.1.1 **KONTRAKTOR** akan melaksanakan semua obligasinya di bawah Perjanjian ini atas risikonya sendiri dan melepaskan **DATUK BANDAR**, personel, kakitangan, pekerja dan ejennya daripada segala jenis tuntutan yang berpunca daripada sebarang kerugian, kerosakan, kemalangan, kecederaan atau kematian akibat daripada pelaksanaan Penyelenggaraan tersebut dan **DATUK BANDAR** tidak akan bertanggungjawab atau menanggung apa-apa liabiliti berhubung dengan kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian tersebut; dan

22.1.2 **KONTRAKTOR**, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, hendaklah sentiasa dan terus kekal mengindemniti **DATUK BANDAR** daripada dan terhadap segala tindakan guaman, tuntutan, prosiding, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos perundangan), caj dan perbelanjaan lain di mana **DATUK BANDAR** akan atau berkemungkinan untuk dipertanggungjawabkan akibat daripada:

- (i) penggunaan Perkakasan dan/atau Perisian secara cuai, salah guna atau penyalahgunaan oleh **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejen yang dilantik oleh **KONTRAKTOR**;
- (ii) sebarang pelanggaran oleh **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejen yang dilantik oleh **KONTRAKTOR** akan mana-mana hak harta intelek, penggunaan atau penyalahgunaan sebarang hakcipta atau hasil seni atau hasil ciptaan, barang atau peralatan yang dipatenkan;
- (iii) sebarang kerugian atau kerosakan terhadap harta benda atau sebarang kecederaan atau kematian terhadap mana-mana individu, dengan apa cara atau di mana ia dialami, disebabkan atau disumbangkan dalam pelaksanaan Penyelenggaraan tersebut oleh **KONTRAKTOR** kepada mana-mana individu dan bukan disebabkan oleh kecuai atau perbuatan yang disengajakan, kesilapan, kegagalan atau ketinggalan oleh **DATUK BANDAR**, personel, kakitangan pekerja atau ejennya; atau
- (iv) sebarang kerugian atau kerosakan terhadap harta benda atau sebarang kecederaan atau kematian terhadap mana-mana individu daripada apa-apa punca sekalipun oleh Penyelenggaraan tersebut sehingga ke tahap yang sama sekiranya perkara tersebut terjadi atau disebabkan oleh perbuatan, peninggalan, pengabaian, pelanggaran, kegagalan atau kesilapan **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejennya.

22.2 Obligasi-obligasi di bawah klausa ini akan terus berkuat kuasa walaupun Tempoh Kontrak ini tamat atau ditamatkan lebih awal berhubung dengan sebarang perbuatan, perkara atau apa-apa kejadian yang berlaku sebelum Tempoh Kontrak ini tamat atau ditamatkan lebih awal.

23. LARANGAN RASUAH, SOGOKAN ATAU AKTIVITI HARAM

23.1 **KONTRAKTOR** dengan ini membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa, sebelum dan semasa Tempoh Kontrak berkuat kuasa, tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti haram, atau pelanggaran undang-undang telah dilakukan untuk mendapatkan hak bagi melaksanakan Pembangunan Sistem di bawah Perjanjian ini. **KONTRAKTOR** juga menjamin pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694] serta mana-mana undang-undang dan peraturan berkaitan rasuah yang berkuat kuasa.

23.2 **KONTRAKTOR** hendaklah mematuhi dan memastikan bahawa pengarah, pekerja, subkontraktor, ejen atau pihak ketiga lain yang melaksanakan Pembangunan Sistem atau menjalankan kewajipan mereka berhubung dengan Perjanjian ini untuk:

- (i) menetapkan dasar dan tatacara pencegahan sogokan dan rasuah **KONTRAKTOR** termasuk kawalan secukupnya dan rekod tepat urus niaga;
- (ii) Menetapkan dan mematuhi kod tatalaku yang boleh dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan polisi serta dokumen pencegahan sogokan dan rasuah yang berkenaan, dan memastikan Datuk Bandar tidak terdedah kepada sebarang pelanggaran undang-undang atau peraturan berkaitan sogokan dan rasuah;
- (iii) mengekalkan kawalan yang mencukupi serta menyimpan rekod transaksi yang benar, tepat dan lengkap yang termasuk invois, laporan, penyata, buku akaun, dokumentasi dan rekod berkenaan lain dan memastikan dokumen tersebut tersedia untuk semakan Datuk Bandar pada bila-bila masa.

23.3 **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan bahawa pengarah, pekerja, subkontraktor, ejen atau pihak ketiga lain yang terlibat menyedari dan/atau menerima latihan atau kursus berkala yang secukupnya tentang kod tatalaku, undang-undang dan prinsip pencegahan sogokan dan rasuah yang berkaitan.

23.4 **DATUK BANDAR** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini serta-merta melalui notis bertulis sekiranya **KONTRAKTOR** disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram.

23.5 Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, sekiranya terdapat kecurigaan munasabah bahawa **KONTRAKTOR**, pengarah, kakitangan, pembantu, pekerja, pengarah, subkontraktor, ejen, atau mana-mana pihak ketiga lain yang terlibat dalam pelaksanaan Pembangunan Sistem dan/atau menjalankan kewajipan berhubung dengan Perjanjian ini terlibat dalam rasuah atau aktiviti haram, **DATUK BANDAR** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini serta-merta melalui notis bertulis tanpa sebarang gantirugi kepada **KONTRAKTOR**.

23.6 Kecurigaan munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan audit, laporan penguatkuasaan, dokumen transaksi kewangan, pengakuan bertulis, atau komunikasi rasmi yang menunjukkan kemungkinan besar berlaku rasuah atau aktiviti haram yang boleh mencemarkan imej **DATUK BANDAR** serta menjejaskan prestasi kerja di bawah Perjanjian ini. Keputusan **DATUK BANDAR** dalam membuat penilaian adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

23.7 **KONTRAKTOR** bertanggungjawab terhadap **DATUK BANDAR** dan bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya serta melindungi **DATUK BANDAR** daripada sebarang tuntutan, kehilangan, liabiliti, kerugian, denda, kos, dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran guaman berdasarkan tanggungan rugi) yang timbul akibat daripada:

- (i) sebarang pelanggaran undang-undang berkaitan pencegahan sogokan dan rasuah oleh **KONTRAKTOR**, pengarah, pekerja, subkontraktor, ejen, atau pihak ketiga lain mereka; dan/atau
- (ii) penamatan Perjanjian ini disebabkan oleh pelanggaran klausa ini.

24. **SUBKONTRAK**

24.1 **KONTRAKTOR** tidak boleh memberi subkontrak terhadap Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada **DATUK BANDAR**.

24.2 Jika Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi subkontrak dengan kebenaran bertulis oleh **DATUK BANDAR** di bawah klausa ini, **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan subkontraktor yang diberi subkontrak itu mematuhi terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

24.3 Sebarang isu yang timbul antara **KONTRAKTOR** dan subkontraktor mengenai Perjanjian ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab **DATUK BANDAR**.

25. **SERAH HAK**

KONTRAKTOR tidak boleh menyerah hak atau memindah milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa juga wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada **DATUK BANDAR**.

26. **PINDAAN**

Tiada pindaan, ubahsuai atau pelepasan dalam mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini boleh dikuat kuasakan kecuali ianya dibuat secara bertulis melalui suatu Perjanjian Tambahan yang merujuk secara khususnya kepada Perjanjian ini dan dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua Pihak.

27. **PENEPIAN HAK**

Kegagalan mana-mana Pihak dalam menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak mentafsirkan kepada suatu penepian terhadap hak, remedi atau peruntukan tersebut.

28. **NOTIS**

- (a) Apa-apa notis atau dokumen lain yang hendak diserahkan atau diberikan di bawah Perjanjian ini dan semua perhubungan lain antara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini yang

berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan atau dihantar dengan tangan atau pos berdaftar atau emel atau faksimili kepada Pihak yang satu lagi di alamat yang diberikan di bawah atau alamat yang lain yang diberikan oleh Pihak yang satu lagi secara notis bertulis:

Untuk Datuk Bandar :-

Pengarah
Jabatan Pengurusan Maklumat
Tingkat 11, Menara DBKL 2
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Telefon : 03 – 2028 2078
Faksimili : 03 – 2693 6649
Emel : jpm@dbkl.gov.my

Untuk Kontraktor:-

Pengarah

Telefon : 03 –
Faksimili : 03 –
Emel :

- (b) Apa-apa notis, persetujuan, permohonan atau kebenaran hendaklah di anggap telah diserahkan atau disampaikan dengan sempurna oleh Pihak yang dituju pada masa penerimaan bagi serahan dengan tangan atau pada masa serahan bagi hantaran melalui pos berdaftar.

29. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI KEPADA PERJANJIAN

- 29.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.
- 29.2 Kedua-dua Pihak bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah, kehendak dan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Negeri di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di di Malaysia.

30. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

KONTRAKTOR hendaklah mematuhi apa-apa undang-undang yang terpakai dan apa-apa arahan, perintah dan kehendak yang diberi kepada **KONTRAKTOR** oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat sedemikian di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai itu.

31. KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos yang terlibat dalam penyediaan Perjanjian ini dan duti setem hendaklah ditanggung oleh **KONTRAKTOR**.

32. MASA

Masa bila mana disebutkan hendaklah menjadi inti pati Perjanjian ini.

33. LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran-Lampiran di dalam Perjanjian ini hendaklah dibaca secara menyeluruh dan bersama dengan Perjanjian ini.

34. KEBOLEHASINGAN (“SEVERABILITY”)

34.1 Sekiranya mana-mana klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan di bawah undang-undang semasa atau undang-undang masa depan, klausa, peruntukan atau bahagian tersebut akan dibolehasingkan sepenuhnya.

34.2 Sekiranya perkara yang dinyatakan di subklause 33.1 berlaku, Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan dan dilaksanakan seolah-olah klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut tidak pernah membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa, peruntukan atau bahagian yang lain akan kekal dengan sepenuh kesan dan peranannya dan tidak akan terjejas oleh klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal, tidak boleh dilaksanakan tersebut atau oleh pengasingannya daripada Perjanjian ini.

35. KEUTAMAAN (“PRECEDENCE”)

Sekiranya terdapat percanggahan di antara terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam mana-mana dokumen yang dirujuk di dalam Perjanjian ini, maka dokumen-dokumen tersebut akan diterima pakai menurut susunan keutamaan seperti berikut –

- (a) Perjanjian ini yang telah ditandatangani;
- (b) Lampiran-Lampiran yang dilampirkan bersama-sama Perjanjian ini; dan
- (c) Apa-apa dokumen lain yang dirujuk di dalam Perjanjian ini.

36. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini merupakan persetujuan secara keseluruhan antara Kedua-dua Pihak berhubung dengan perkara yang diperuntukkan di dalamnya dan mengatasi mana-mana persetujuan atau persefahaman terdahulu antara Kedua-dua Pihak berhubung perkara tersebut.

37. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah mengikat mana-mana ejen, wasi, pentadbir, pengganti, penerima pindah milik, pemegang serah hak dan pengganti hak milik bagi **KONTRAKTOR**.

*****RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG*****

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, Kedua-dua Pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini menurunkan tandatangan mereka pada tarikh yang tertulis di atas.

Mohor rasmi)
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR)
Diturunkan menurut **Akta Ibu Kota**)
Persekutuan 1960 [Akta 190])

.....

Ditandatangani oleh)
<**NAMA SYARIKAT**>)
NO PENDAFTARAN SYARIKAT ())
Di hadapan)

NAMA :
NO. K/P:

NAMA :
NO K/P :

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREENSIF PORTAL,
APLIKASI DAN WEB CMS VISITKL UNTUK TEMPOH DUA (2)
TAHUN

BAHAGIAN 6. SKOP KERJA

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBK/ESH/AJAJA

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PORTAL, APLIKASI DAN WEB CMS UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

SKOP KERJA

1.0 PENGENALAN

Portal Pelancongan Kuala Lumpur (VisitKL) yang boleh diakses melalui pautan rasmi www.visitkl.dbkl.gov.my merupakan penjenamaan semula (*re-branding*) daripada portal pelancongan DBKL yang terdahulu, dan turut hadir dalam bentuk aplikasi mudah alih bagi memudahkan capaian pengguna pelbagai peranti.

Portal dan Aplikasi VisitKL ini diletakkan di bawah tanggungjawab serta penyeliaan **Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan (JKKPS)** yang berperanan memastikan segala maklumat, perkhidmatan dan inisiatif berkaitan pelancongan, kebudayaan dan acara di Kuala Lumpur disampaikan dengan tepat, berkualiti dan mudah diakses oleh orang awam.

Pembangunan portal dan aplikasi ini bermula pada penghujung tahun 2023 dan beroperasi sepenuhnya (*go-live*) pada penghujung tahun 2024, menggunakan kerangka Laravel bagi komponen portal/web serta Flutter untuk aplikasi mudah alih. Portal VisitKL berperanan sebagai pusat maklumat sehenti pelancongan Kuala Lumpur yang mesra pengguna, dinamik, dan menyokong kemas kini berterusan.

Bagi maksud dokumen ini, skop penyelenggaraan komprehensif hendaklah ditafsirkan sebagai meliputi keseluruhan komponen Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL yang perlu disenggara secara berjadual dan menyeluruh sepanjang tempoh kontrak supaya sentiasa beroperasi dengan stabil, selamat dan boleh diakses tanpa gangguan.

2.0 TEMPOH PROJEK

- 2.1 Petender hendaklah melaksanakan penyelenggaraan secara komprehensif dan penambahbaikan untuk Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL selama **dua (2) tahun**.
- 2.2 Petender hendaklah menyediakan **Jadual Kerja** yang lengkap dan dipersetujui oleh Datuk Bandar serta perlu memaklumkan kepada Datuk Bandar jika terdapat sebarang perubahan kepada mana-mana bahagian jadual tersebut.
- 2.3 Petender perlu memenuhi kod bidang 210104 dan 210108.

3.0 UMUM

- 3.1 Objektif utama tender ini adalah bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Komprehensif Portal, Aplikasi Dan Web CMS VisitKL Untuk **Tempoh Dua (2) Tahun**.
- 3.2 Skop merangkumi:
- 3.2.1 Penyelenggaraan Komprehensif
 - 3.2.2 Penambahbaikan modul (jika ada)
 - 3.2.3 Selain itu, Petender juga dikehendaki memberikan latihan kepada pengguna sistem yang berkaitan.
- 3.3 **Penyelenggaraan Komprehensif** ini merangkumi sistem, perisian, pangkalan data, semua perkakasan berkaitan dan integrasi yang telah sedia ada. Selain itu, Petender juga dikehendaki memberikan latihan kepada pengguna sistem yang berkaitan dengan menjalankan sesi latihan (*refresher training*).
- 3.4 **Penyelenggaraan Komprehensif** ini akan melibatkan aktiviti seperti di bawah:
- 3.4.1 **Corrective Maintenance**
Setiap perubahan untuk membaiki kecacatan yang dibuat pada sistem/perkakasan untuk memperbaiki kekurangan contohnya dalam reka bentuk, kod sumber, atau pelaksanaannya. Ia juga termasuk membetulkan diagnosis penyelenggaraan dan memperbaiki kesalahan mengikut SLR yang ditetapkan.
 - 3.4.2 **Preventive Maintenance**
Sebarang perubahan yang dibuat pada sistem/perkakasan untuk mengelakkan kemungkinan masalah di masa depan dan mengurangkan kegagalan sistem. Preventive Maintenance atau Penyelenggaraan pencegahan adalah penting untuk mengelakkan masalah berulang di masa depan.
 - 3.4.3 **Perfective Maintenance**
Sebarang perubahan yang dibuat pada sistem/perkakasan untuk menambahkan ciri baru atau untuk meningkatkan prestasi, kecekapan, kebolehpercayaan atau kebolehteraturan sistem.
 - 3.4.4 **Adaptive Maintenance**
Sebarang perubahan/perolehan tambahan yang dibuat untuk mengubah fungsi sistem/perkakasan berdasarkan keperluan bisnes bagi tujuan peningkatan keupayaan perkhidmatan sistem.

4.0 PERKAKASAN (SERVER / SSL / WORKSTATION)

Skop kerja penyelenggaraan aplikasi Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL meliputi aspek **Corrective, Preventive, Perfective dan Adaptive Maintenance**. Petender hendaklah melaksanakan penyelenggaraan secara komprehensif, berjadual, serta menyediakan laporan terperinci bagi setiap aktiviti.

Portal dan Aplikasi VisitKL beroperasi di atas persekitaran **cloud hosting** yang disediakan oleh DBKL melalui vendor infrastruktur. Sehubungan itu, petender aplikasi hendaklah memastikan semua kerja-kerja pembangunan, konfigurasi dan penyelenggaraan aplikasi adalah serasi dengan persekitaran **cloud hosting** tersebut. Petender juga perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan **cloud hosting environment** bagi tujuan penyelarasan teknikal, pemantauan prestasi aplikasi dan memastikan integrasi sistem dapat berfungsi dengan baik tanpa mengganggu operasi pelayan.

4.1 Server Web & DB (Operasi Server)

- i. Portal, Web CMS VisitKL dan aplikasi mudah alih yang sedia ada dikonfigurasi di dalam **Cloud Computing Services – Amazon Web Services (AWS)** menggunakan sistem operasi (OS) **Linux Ubuntu**.
- ii. Lain-lain kerja berkaitan bagi meningkatkan prestasi dan kecekapan sistem yang diarahkan oleh pihak Datuk Bandar.
- iii. Memastikan versi *Laravel* atau apa-apa perisian berkaitan yang digunakan pada laman web sentiasa dikemas kini mengikut versi terkini yang disyorkan dan tiada sebarang ralat atau gangguan fungsi kesan daripada proses kemaskini yang dilaksanakan.
- iv. Melaksanakan proses pengukuhan (*hardening*) tanpa sebarang bayaran tambahan berdasarkan laporan *Security Posture Assessment (SPA)* yang dikeluarkan oleh DBKL (sekiranya ada).
- v. Melaksanakan kerja *backup* secara mingguan dan kerja pemulihan dengan fail *backup* tersebut jika berlaku sebarang insiden. Jika berlaku sebarang kerosakan atau kegagalan, kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya dan perlu memulihkan perjalanan operasi seperti asal ataupun menggantikan perkara- perkara yang telah dirosakkan.
- vi. Segala kos langganan / lesen perisian yang berkaitan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak petender.

4.2 Pemasangan Secure Socket Layer (SSL)

- i. Petender dikehendaki membuat pemasangan dan konfigurasi Sijil SSL yang disediakan oleh DBKL.

- ii. DBKL akan memberikan Sijil SSL setelah petender menyelesaikan pemasangan pelayan web / apache / IIS.
- iii. Sijil SSL akan diperbaharui mengikut polisi lesen DBKL. Pembelian Sijil SSL akan dilakukan oleh DBKL.
- iv. Kontraktor yang berjaya diminta untuk menunjukkan / menyerahkan konfigurasi SSL dalam laporan teknikal akhir.

5.0 PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF SISTEM (Portal, Aplikasi & Web CMS VisitKL)

Skop kerja penyelenggaraan komprehensif ini meliputi **Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL**, merangkumi aspek **Corrective, Preventive, Perfective dan Adaptive Maintenance**. Petender hendaklah melaksanakan penyelenggaraan secara berjadual, menyeluruh serta menyediakan laporan terperinci bagi setiap aktiviti.

Portal dan Aplikasi VisitKL beroperasi di atas persekitaran **cloud hosting - Amazon Web Services (AWS)** menggunakan sistem **operasi (OS) Linux Ubuntu** yang diuruskan vendor infrastruktur DBKL. Sehubungan itu, petender hendaklah memastikan semua kerja penyelenggaraan adalah serasi dengan persekitaran **cloud hosting** tersebut, di samping mempunyai kepakaran teknikal **Cloud Hosting** bagi tujuan penyelarasan teknikal, pemantauan prestasi dan memastikan integrasi sistem berfungsi dengan baik.

5.1 Corrective Maintenance

Merangkumi segala tindakan yang perlu dilaksanakan pada sistem dan aplikasi mudah alih termasuk memperbaiki sebarang ralat atau kecacatan yang berlaku pada aplikasi, sistem dan server. Punca masalah perlu dikenalpasti dan kerja-kerja memperbaiki ralat/pepijat (*bugs*) dalam operasi sistem perlu diselesaikan secepat mungkin.

- 5.1.1 *Bug fixes*, pembetulan ralat berdasarkan keperluan pengguna.
- 5.1.2 *System fixing and troubleshooting*
- 5.1.3 *System recovery*
- 5.1.4 *System fine-tuning*
- 5.1.5 Pembetulan sebarang kerosakan akibat ketidak konsisten, ralat, perubahan konfigurasi/kod/antara muka dan lain-lain.
- 5.1.6 Memulihkan sistem sekiranya gagal beroperasi.
- 5.1.7 Pengubahsuaian untuk memperbaiki masalah aplikasi yang disebabkan oleh kesilapan reka bentuk, logik, pengkodan, penambahbaikan, dan / atau infrastruktur
- 5.1.8 Atas permintaan DBKL, petender juga perlu menyediakan perkhidmatan sokongan terhadap beberapa masalah operasi yang tidak berkaitan dengan kerosakan perisian atau aplikasi, tetapi lebih

kepada masalah operasi sehari-hari yang timbul dan memerlukan perhatian segera.

- 5.1.9 Sokongan teknikal *onsite* yang segera di lokasi berkaitan untuk mengatasi sebarang masalah operasi yang merangkumi sistem operasi, aplikasi sistem, pangkalan data dan perisian.
- 5.1.10 Masalah sokongan pengoperasian dan server
- 5.1.11 Aktiviti simulasi dalam persekitaran staging dan pemulihan (*restoration*) perlu dilaksanakan bagi kod sumber yang terkini berdasarkan Arahan Datuk Bandar dari masa ke semasa.

5.2 Preventive Maintenance

Melibatkan kerja-kerja yang dilakukan pada sistem dan server untuk mengurangkan risiko kegagalan dan masalah pada masa akan datang. Analisis bagi mengenalpasti risiko kegagalan sistem dan mengurangkan downtime perlu dilaksanakan. Penyelenggaraan pencegahan merangkumi semua aktiviti tambahan yang disediakan bagi memastikan sistem / aplikasi berfungsi dalam keadaan optimum termasuklah. *Preventive Maintenance* dilaksanakan empat (4) kali setahun meliputi aktiviti berikut:

- 5.2.1 Pembedulan pepijat (bugs);
- 5.2.2 *Troubleshooting*;
- 5.2.3 Pemulihan sistem;
- 5.2.4 *Fine-tuning* sistem;
- 5.2.5 Pemantauan log aplikasi;
- 5.2.6 *Housekeeping*;
- 5.2.7 *Health check* (sistem & pangkalan data);
- 5.2.8 Pemantauan prestasi;
- 5.2.9 Menguji data sandaran (backup) sistem & pangkalan data;
- 5.2.10 Pengurusan pangkalan data; dan
- 5.2.11 Perundingan (jika perlu).

5.3 Perfective Maintenance

- 5.3.1 Pengubahsuaian, penambahbaikan baru dengan tahap kesukaran RENDAH dimana pengubahsuaian dan penyesuaian diperlukan dari segi antaramuka, pangkalan data dan lain-lain yang memerlukan tidak lebih dari tiga (3) hari bekerja. Perkara ini akan dilaksanakan secara percuma tanpa ada tuntutan kepada DBKL.
- 5.3.2 Pengubahsuaian atau pembaikan minor yang mesti dilakukan sekiranya terdapat perubahan/ralat/dan lain-lain.
- 5.3.3 Semua pengubahsuaian untuk menyelesaikan masalah aplikasi berdasarkan perkakasan Pengguna (PC, pencetak, dan mana-mana peranti yang berkaitan) dengan sistem / platform operasi)

- 5.3.4 Kelulusan melaksanakan pengubahsuaian mestilah diluluskan oleh Jawatankuasa CR DBKL. Setelah mendapat kelulusan, petender dibenarkan untuk meneruskan pembangunan. Petender mestilah mematuhi tempoh dan kos yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.
- 5.3.5 Kerja-kerja penyelenggaraan *Perfective Maintenance* perlu dijalankan sekiranya terdapat sebarang perubahan dari masa ke semasa dan perlu sentiasa dikemaskini setelah berlaku renewal dan upgrading perisian pada versi yang terkini untuk PHP *Laravel*, MariaDB, PHP, IIS, SSL, *Flutter*, *Dart Language*, *Patch* dan semua yang terlibat dalam komponen Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL.
- 5.3.6 Aktiviti simulasi dalam persekitaran *staging* dan pemulihan (*restoration*) perlu dilaksanakan bagi kod sumber yang terkini berdasarkan Arahan Datuk Bandar dari masa ke semasa.

5.4 Adaptive Maintenance

- 5.4.1 Permintaan untuk perubahan atau dikenali sebagai *Change Request* (CR) termasuk penambahbaikan sistem, keperluan integrasi sistem dan lain-lain perkara yang menyokong kelancaran sistem.
- 5.4.2 Perubahan dan penambahbaikan ini mestilah diluluskan oleh Jawatankuasa CR JPM DBKL. Setelah mendapat kelulusan, petender dibenarkan untuk meneruskan pembangunan. Petender mestilah mematuhi tempoh dan kos yang dipersetujui oleh Jawatankuasa tersebut.
- 5.4.3 Kerja-kerja CR perlu mengambilkira analisis keperluan, reka bentuk, pengujian, pengurusan perubahan dan lain-lain keperluan DBKL.
- 5.4.4 CR yang dilaksanakan termasuk perubahan dan penambahbaikan yang dilaksanakan mestilah diuji secara menyeluruh (UAT, PAT, SIT, Latihan & FAT) sebagai bukti penggunaan dan menghasilkan manual pengguna sistem dalam tiga (3) bentuk (dokumen manual standard, manual infografik dan video pendek penggunaan)
- 5.4.5 Petender hendaklah melaksanakan perubahan dan penambahbaikan yang diluluskan oleh Lembaga Jawatankuasa CR JPM DBKL sahaja.
- 5.4.6 Petender perlu bersedia menjalankan aktiviti *re-deploy* atau *restoration* portal dari persekitaran *cloud* kepada on-premis sekiranya dikehendaki oleh pihak JPM DBKL.

6.0 LATIHAN

- 6.1 Menyediakan kemudahan latihan/kursus berkaitan Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL kepada pegawai / kakitangan JPM.
- 6.2 Petender dikehendaki menyediakan latihan/*refresher training* berkaitan sistem kepada pengguna, pegawai Jabatan Pengurusan Maklumat atau lain-lain pengguna yang ditentukan oleh DBKL iaitu :
- 6.2.1 *System Administrators Training*
- 6.2.2 *Technical Supports and Maintenance Training*
- 6.3 Petender hendaklah memberikan *Transfer of Technology* (TOT) kepada Pasukan DBKL semasa tempoh penyelenggaraan projek.
- 6.4 Kemahiran dan TOT terdiri daripada:
- i. Back-end Portal, Web CMS VisitKL dan aplikasi mudah alih
 - ii. Perisian
 - iii. Perkakasan
 - iv. Pangkalan Data
 - v. Lain-lain perkara berkaitan
- 6.5 Petender perlu mengemukakan skop dan pelan terperinci, jadual, *syllabus* dan lain-lain yang terlibat.
- 6.6 Latihan secara berterusan kepada pengguna hendaklah diberikan dalam tempoh kontrak tanpa sebarang kos tambahan
- 6.7 Keperluan tempat latihan, jangkamasa, makan minum, dokumen latihan dan perkara yang berkaitan perlu disediakan oleh Petender dan semua kos latihan ditanggung oleh petender.

7.0 JAMINAN

- 7.1 Dalam melaksanakan projek ini, adalah menjadi tanggungjawab petender bagi menentukan yang semua pemasangan, konfigurasi dan keselamatan yang sedia ada tidak dijejaskan operasinya. Jika berlaku sebarang kerosakan atau kegagalan, pihak petender akan bertanggungjawab sepenuhnya dan perlu memulihkan perjalanan operasi seperti asal atau pun menggantikan perkara-perkara yang telah dirosakkan.
- 7.2 Petender yang berjaya adalah tertakluk kepada **Gantirugi Tetap** atau **Liquidated Ascertain Damages (LAD)** yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu **0.25% x Harga Kontrak** bagi **setiap hari kelewatan** kerja sehingga perkhidmatan tersebut disempurnakan dan diserahkan kepada Datuk Bandar.

- 7.3 Petender perlu menanggung sepenuhnya sebarang kos tambahan disebabkan kelewatan kerja oleh petender dalam tempoh projek.
- 7.4 Penggantian alat ganti (jika ada) mestilah dari komponen-komponen atau peralatan yang serupa, setaraf atau lebih baik dengan/dari yang asal.
- 7.5 Petender hendaklah menyediakan dokumentasi jaminan kepada Jabatan Pengurusan Maklumat;
- 7.6 Petender perlu menyediakan dokumentasi jaminan yang sah kepada JPM; dan
- 7.7 Petender perlu merekodkan semua isu yang berlaku sepanjang tempoh jaminan. Laporan jaminan berkenaan perlu diserahkan dan disahkan oleh JPM selepas tempoh jaminan tamat.

8.0 KHIDMAT NASIHAT DAN SOKONGAN TEKNIKAL

- 8.1 Petender hendaklah memberi khidmat nasihat dan menyediakan kakitangan sokongan teknikal yang mencukupi serta cekap dan berpengetahuan tinggi. Khidmat nasihat dan sokongan teknikal yang diberikan adalah secara percuma berhubung pembelian, pembangunan, pemasangan dan penyelenggaraan perkakasan, perisian dan sistem sehingga tamat tempoh kontrak perjanjian.
- 8.2 Petender perlu mengemukakan kakitangan yang bertanggungjawab sebagai **First Level** dan **Second Level Support** lengkap dengan maklumat nama, no telefon dan emel yang boleh dihubungi.
- 8.3 Kerja-kerja sokongan teknikal perlu dilaksanakan secara **ad-hoc basis** meliputi perkakasan, peranti, aplikasi mudah alih dan sistem (jika berkaitan) bagi setiap aduan yang diterima.
- 8.4 Pihak Petender perlu memberi khidmat nasihat, bantuan dan latihan yang berkaitan dengan pemasangan, operasi dan penyelenggaraan sistem;
- 8.5 Petender perlu mewujudkan khidmat sokongan helpdesk yang beroperasi secara berterusan 24 jam sehari, 7 hari seminggu untuk menyelaras aduan-aduan berkaitan aplikasi mudah alih berkaitan tidak terhad kepada portal, panggilan telefon, faks, emel dll. Waktu perkhidmatan dan tempoh tindakan yang diperlukan adalah seperti berikut :
 - i. Isnin hingga Jumaat (7 pagi hingga 7 petang)
 - ii. Di luar waktu pejabat (bila diperlukan)
 - iii. Hari Sabtu dan Ahad (bila diperlukan)

8.6 Petender dikehendaki menyediakan Program Pengurusan Perubahan (*Change Management Programme*) kepada pengguna sistem yang meliputi aspek tadbir urus, proses kerja, kemudahan dan infrastruktur ICT serta kompetensi / literasi ICT pengguna.

8.7 Petender *Service Level Requirement (SLR)* - Tahap Severity, keterangan dan tindakan ke atas ralat seperti Jadual 1 berikut:

NO	SEVERITY: DEFINITION	CHANNEL	RESPONSE TIME SLR	RESOLUTION SLR
1	<p>High / Code 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Critical business impact - Major feature/product failure; inconvenient workaround or no workaround exists. - The program is usable but severely limited. 	Telephone, Emel or Web Portal	<2 jam	<4 jam (24x7)
2	<p>Medium / Code 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Moderate business impact - Moderate loss of application functionality or performance resulting in multiple users impacted in their normal functions. 			<24 jam (24x7)
3	<p>Low / Code 3:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Minimal business impact - Minimal loss of application functionality or performance resulting in one or two users impacted in their normal functions. - Minor feature/product failure, convenient workaround exists / minor performance degradation/not impacting production. 			<48 jam (24x7)

8.8 Penalti sejumlah **20% x Kos Projek / 12 bulan / 30 hari / 24 jam = (RM /jam) ATAU RM 30/jam (mana yang lebih tinggi)** boleh dikenakan kepada pihak kontraktor perkhidmatan sekiranya gagal mematuhi SLR sehingga isu tersebut diselesaikan.

8.9 Sebarang aduan yang berbangkit berhubung pelaksanaan projek ini yang diterima sama ada secara terus kepada Petender atau Datuk Bandar perlu direkodkan secara terperinci dan diambil tindakan lanjut selaras dengan *Service Level Requirement (SLR)* yang telah ditetapkan di bawah Skop Kerja.

- 8.10 Petender adalah bertanggungjawab bagi sebarang aduan yang berbangkit dan sebarang tindakan bagi aduan yang telah diselesaikan perlu dilaporkan kepada JPM bagi tujuan simpanan rekod.
- 8.11 Sekiranya Datuk Bandar menerima sebarang aduan yang masih berbangkit dan / atau kelewatan dalam melaksanakan tindakan berhubung sesuatu aduan tertakluk kepada pengesahan secara bertulis dan apa-apa dokumen yang membuktikan sesuatu aduan tersebut, Datuk Bandar berhak untuk mengenakan penalti bagi setiap aduan yang lewat diambil tindakan dalam masa yang ditetapkan sehingga disempurnakan keseluruhan atau mana-mana bahagiannya; dan
- 8.12 Petender hendaklah menyediakan **sekurang-kurangnya satu (1) orang kakitangan teknikal** yang mahir untuk menjalankan kerja-kerja sokongan teknikal dan penyelenggaraan.

9.0 DOKUMENTASI

- 9.1 Petender hendaklah menyediakan rekod penyelenggaraan dengan merekodkan semua aktiviti penyelenggaraan dan menyediakan laporan bagi setiap kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan. Semua penyelesaian dan konfigurasi yang dicadangkan dalam projek perlu diperincikan **dalam Laporan Penyelenggaraan Komprehensif**.
- 9.2 Petender hendaklah mengemaskini kod sumber setiap kali penyelenggaraan CM ke dalam **Github DBKL**. Kegagalan penyerahan dan kelewatan mengemaskini kod sumber akan menyebabkan pihak Kontraktor dikenakan ganti rugi atau **penalti 0.25% sehari daripada nilai kos projek** yang kena dibayar kepada DATUK BANDAR atau DATUK BANDAR berhak untuk memotong jumlah tersebut daripada Bon Pelaksanaan atau daripada mana-mana bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor.
- 9.3 Petender perlu menyerahkan dokumentasi serahan sistem dan melaksanakan simulasi bagi kod sumber terkini dalam persekitaran staging sekurang-kurangnya dalam tempoh 14 (empat belas) hari sebelum tamat tempoh kontrak.
- 9.4 Petender hendaklah memberikan sekurang-kurangnya **(2) dua salinan** sebarang dokumentasi. Sebarang kemas kini, bahan tambahan atau penerbitan baru yang berkaitan dengan Sistem hendaklah dibekalkan tanpa kos tambahan kepada Datuk Bandar.

9.5 Laporan Penyelenggaraan Komprehensif perlu disediakan setiap **3 bulan** berdasarkan jadual yang akan ditentukan iaitu:

- 9.5.1 Laporan Penyelenggaraan Berkala (*Preventive Maintenance*);
- 9.5.2 Laporan Penyelenggaraan Pembetulan (*Corrective Maintenance*);
dan
- 9.5.3 Dan sebagainya.

9.6 Menyediakan laporan aktiviti berkala bagi setiap kerja-kerja penyelenggaraan PM dan CM dilakukan yang mengandungi laporan seperti berikut :

- i. *Numbering of Log Call*
- ii. *Downtime Period*
- iii. *Resolution Time*
- iv. *Problem Type*
- v. *Parts Information*
- v. *Solution/Resolution Taken*
- vi. *Overall Reports*
- vii. *Recommendation*

9.7 Laporan bagi kerja-kerja *Perfective Maintenance* dan *Adaptive Maintenance* hendaklah diperincikan di dalam **Laporan Penambahbaikan Sistem (*Change Request*)**.

9.8 Di akhir penyelenggaraan, Petender hendaklah menyerahkan dokumentasi kepada Jabatan Pengurusan Maklumat dalam bentuk **1 salinan softcopy** dan **2 salinan hardcopy** seperti berikut :

- 9.8.1 Laporan Reka Bentuk Sistem dan Pangkalan Data terkini
- 9.8.2 Kod Sumber terkini
- 9.8.3 Manual Sistem terkini

10.0 PENYERAHAN KOD SUMBER (*SOURCE CODE*)

10.1 Kod sumber yang dibangunkan adalah hak milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Datuk Bandar berhak untuk mengubahsuai dan membuat pindaan terhadap kod sumber tersebut bagi tujuan peningkatan taraf, pengubahsuaian mengikut keperluan semasa atau keperluan pengguna dan sebagainya. Sebarang capaian atau *deployment* kod sumber hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak DBKL terlebih dahulu.

10.2 Penyerahan kod sumber yang telah diinisialisasi (*initiate*) dengan Git semasa fasa pembangunan oleh Petender adalah **WAJIB**. Ini bagi memastikan kod sentiasa berada dalam keadaan terkini, boleh dijalankan pada bila-bila masa, serta memudahkan pemantauan dan pengurusan versi secara sistematik. Petender dikehendaki memilih salah satu daripada dua pilihan berikut :

- 10.2.1 **Clone Repository Master** daripada Persekitaran Git DBKL -
Repositori tersebut hendaklah diklon ke dalam persekitaran setempat (*local environment*) komputer Petender. Setiap aktiviti *commit* dan *push* mestilah dilaksanakan menggunakan kaedah *branching* yang teratur. Semua *commit* hendaklah dihantar semula (*push*) ke persekitaran Git DBKL mengikut jadual yang telah ditetapkan; ATAU
- 10.2.2 Petender hendaklah mengkonfigurasi kod sumber dalam persekitaran Git di komputer setempat (lokal) milik Petender. Kod sumber yang telah diinisialisasi (*initiate*) menggunakan Git mestilah dihantar (*push*) ke persekitaran Git DBKL melalui repositori peribadi (**Private Repository**) yang telah diberikan akses oleh Pengurus Projek bagi tujuan pemantauan dan kawalan versi.
- 10.3 Pihak Petender hendaklah menyerahkan sepenuhnya kod sumber (format mod pembangunan) beserta penerangan lengkap bagi setiap fungsi di dalam sistem serta yang teruji setelah aktiviti *restore* yang dilaksanakan sebelum tamat tempoh kontrak. Semua kod pengaturcaraan yang diserahkan hendaklah termasuk kod sumber yang lengkap dan dapat dibaca serta difahami oleh pembangun lain. Di samping itu, kod yang telah *compile* juga perlu diserahkan bagi tujuan pengesahan operasi. Ini untuk memastikan penyelenggaraan sistem pada masa akan datang berjalan lebih lancar.
- 10.4 Kod yang diserahkan hendaklah berfungsi dengan sepenuhnya dan boleh dijalankan tanpa sebarang masalah, sama seperti yang dilaksanakan pada server produksi. Kod yang beroperasi sepenuhnya ini mestilah menepati spesifikasi, keperluan fungsi, dan kualiti yang telah dipersetujui dalam perjanjian ini. Petender perlu menjalankan sesi simulasi sistem (aktiviti *restore*) berdasarkan kod sumber yang diserahkan.
- 10.5 Pembekal kod bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kod tersebut boleh dipasang dan dijalankan dengan sepenuhnya, dan menyediakan sokongan teknikal bagi menyelesaikan sebarang isu yang mungkin timbul berkaitan fungsi kod dalam jangka masa tertentu yang telah ditetapkan dalam perjanjian ini.

11.0 KESELAMATAN

- 11.1 Petender hendaklah sentiasa melindungi keselamatan maklumat yang telah diperolehi, dipasang atau digunapakai di dalam sistem dengan menyediakan **aplikasi-aplikasi keselamatan seperti *data encryption*** serta **menghadkan capaian maklumat** kepada kakitangan yang berkaitan sahaja dan **tidak membenarkan kebocoran maklumat** kepada sesiapa yang tidak berkenaan.

- 11.2 Petender yang berjaya DIWAJIBKAN menandatangani **Borang Akta Rahsia Rasmi** dan **menjalani Tapisan Keselamatan** bagi setiap kakitangan serta mematuhi polisi dan garis panduan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) dan juga mematuhi keperluan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat MS ISO/IEC 27001:2013 (ISMS).

12.0 PENGURUSAN PROJEK

Petender hendaklah **melantik seorang Pengurus Projek** dan memaklumkan kepada Datuk Bandar pelantikan tersebut bagi memantau dan menyelaras perjalanan projek. Pengurus Projek hendaklah menyediakan Laporan Kemajuan Kerja Teknikal dan Laporan Status Kemajuan Projek serta lain-lain dokumen berkaitan status kemajuan projek mengikut jadual yang dipersetujui serta Mesyuarat Pengurusan serta perbincangan teknikal akan diadakan antara petender dan DBKL bagi memantau kemajuan projek. Walau bagaimanapun, ini tidaklah menghadkan petender dari membuat laporan kritikal jika perlu pada masa-masa lain.

13.0 PASUKAN PENYELENGGARAAN

- 13.1 Petender hendaklah menyediakan pasukan penyelenggaraan yang berpengalaman dalam penyelenggaraan Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL, perisian serta perkakasan.
- 13.2 Petender dikehendaki menyediakan satu orang kakitangan teknikal secara *onsite* mengikut keperluan berdasarkan arahan Datuk Bandar.
- 13.3 Kompetensi ahli pasukan hendaklah memastikan semua pembaikan dan penyelenggaraan bagi menjamin kelancaran operasi sistem.
- 13.4 Pasukan penyelenggaraan hendaklah terdiri daripada pentadbir sistem, penganalisis sistem dan pengaturcara yang berpengalaman.
- i. Pentadbir sistem harus mempunyai kepakaran teknikal, mempunyai pengalaman yang cukup dalam menyelesaikan masalah dan mengkonfigurasi perkakasan dan perisian. Pentadbir sistem diberi kebenaran untuk mengambil tindakan pencegahan untuk mengelakkan kecemasan segera seperti kerosakan pelayan atau kegagalan perkakasan.
 - ii. Penganalisis sistem harus bertanggungjawab untuk menyiasat masalah yang berlaku dan mencadangkan penyelesaiannya.

13.5 Petender hendaklah menyediakan pasukan penyelenggaraan yang **kompeten, cekap, berkelayakan, mempunyai kemahiran serta pengalaman mantap** dalam **pembangunan portal dan aplikasi menggunakan pengaturcaraan *Laravel* dan *Flutter*** serta bidang-bidang tugas yang diperlukan bagi pelaksanaan projek. Petender hendaklah menyerahkan **satu Senarai Pasukan Projek, Carta Organisasi Pasukan Projek, Resume dan sijil Pasukan Projek** yang lengkap. Sekiranya tidak berbuat demikian, DBKL tidak akan dipertimbangkan cadangan Petender. Sekiranya terdapat pertukaran hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Pengurusan Maklumat dan menggantikannya dengan pengganti yang setara.

14.0 DATA

14.1 Petender hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk melindungi kerahsiaan, integriti dan kesahihan semua data dan maklumat yang dikendalikan sepanjang tempoh kontrak. Semua data yang terperingkat atau sensitif hendaklah dilindungi menggunakan mekanisme keselamatan yang sewajarnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kaedah kriptografi (seperti penyulitan data dalam transit dan semasa disimpan), pengesahan identiti pengguna, serta kawalan capaian.

14.2 Petender juga hendaklah memastikan bahawa semua data disimpan dan dipindahkan dengan mematuhi piawaian keselamatan seperti ISO/IEC 27001, serta undang-undang dan dasar keselamatan data yang ditetapkan oleh pihak DBKL.

14.3 Data mesti disimpan di lokasi storan yang diluluskan oleh pihak DBKL.

14.4 Menyediakan sistem audit trail/log untuk merekod aktiviti terhadap data.

14.5 Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran terhadap pengurusan data, Petender bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kerugian, kebocoran, atau sebarang kesan yang timbul. Tindakan undang-undang atau penalti boleh dikenakan mengikut terma perjanjian.

14.6 Sekiranya berlaku sebarang kehilangan data disebabkan kegagalan pihak Petender dalam melaksanakan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan, maka **Petender hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menanggung segala kos kerugian yang timbul akibat daripada kehilangan data tersebut.**


14.7 Petender bertanggungjawab untuk memastikan dan berkeupayaan membekalkan maklumat yang diperlukan apabila diminta oleh pihak DBKL termasuk dalam keadaan sistem mengalami masalah kehilangan data.

15.0 LARANGAN RASUAH

Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

3.0 PROJEK TIMELINE

Perincian projek *timeline* yang ditetapkan oleh DBKL adalah seperti berikut :



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PORTAL, APLIKASI DAN WEB CMS VISITKL UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

BAHAGIAN 7. SPESIFIKASI

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBK/DP/2025/HAJAJA

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PORTAL, APLIKASI DAN WEB CMS VISITKL UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

SPESIFIKASI

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Portal VisitKL adalah laman sesawang yang berasaskan web dan aplikasi mudah alih bagi Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ianya dibangunkan berasaskan *framework Laravel*. Portal ini digunapakai oleh orang awam bagi menjadi sebuah portal maklumat sehenti yang membolehkan pelancong merancang lawatan ke Kuala Lumpur. Portal yang dibangunkan mempunyai antaramuka (*interface*) dan fungsi yang mesra pengguna dan dinamik bagi memudahkan pelancong dari dalam dan luar negara boleh mengakses portal ini untuk mendapatkan info berkaitan tempat menarik, sejarah, dan sebagainya di sekitar Kuala Lumpur.
- 1.2 Selain portal, ianya juga terdapat dalam bentuk aplikasi mudah alih android dan iOS yang boleh dimuat turun di **Google Play Store** dan **Apple App Store**.
- 1.3 Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL beroperasi di atas persekitaran *cloud hosting* **Cloud Computing Services - Amazon Web Services (AWS)** yang diuruskan vendor infrastruktur DBKL. Sehubungan itu, petender aplikasi wajib mempunyai kemahiran teknikal yang relevan dalam persekitaran *cloud hosting* bagi tujuan penyelarasan teknikal, pengoptimuman prestasi aplikasi serta memastikan integrasi sistem berfungsi dengan baik.

2.0 SPESIFIKASI TEKNIKAL

2.1 Perkakasan Server di Cloud

Portal dan Web CMS VisitKL dilaksanakan dalam persekitaran **VM Server** di **Cloud** menggunakan sistem operasi (OS) **Linux Ubuntu**.

a. VISITKL-WEB Server

Instance type:	c7i-flex.large
vCPU:	2
RAM:	4 GB
Processor:	Intel
Architecture:	x86_64
Saiz storage:	8 GB
Saiz storage NFS:	30 GB
Operating System:	Ubuntu 24.04 LTS
Autoscaling:	Enabled

b. VISITKL-DB Server

Instance type:	db.m6i.large
vCPU:	2
RAM:	8 GB
Architecture:	x86_64
Saiz storage:	100 GB
Database Engine:	MariaDB
Database version:	11.4.5

2.2 **Perisian**

Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL dibangunkan menggunakan perisian-perisian seperti di bawah:

- i. Spesifikasi teknikal Backend API & Flutter Web Front-end bootstrap.

Bil	Spesifikasi
1	PHP Laravel 11 – (MVC Framework)
2	MariaDB
3	IIS (10.0)
4	Plesk Web Admin Edition (Dedicated Server)
5	Flutter (3.27.3)

- ii. Spesifikasi teknikal Aplikasi Mudah Alih VisitKL

Bil	Spesifikasi
1	Dart Language (3.6.1)
2	Flutter (3.27.3)
3	FlutterFlow (5.4.2)
4	Open Meteo Weather API - https://open-meteo.com

Petender hendaklah memperbaharui lesen perisian sekiranya terdapat lesen perisian dan ianya berfungsi sepanjang tempoh projek.

2.3 **Backup Data**

Menepati keperluan backup dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh DBKL.

Petender yang berjaya hendaklah mengemukakan rekabentuk sistem, aplikasi, *database* dan borang-borang berkaitan yang digunakan ketika permohonan untuk *backup* jika berkaitan.

Melaksanakan pengujian Portal dan aplikasi VisitKL selepas pemasangan, konfigurasi dan integrasi bagi permohonan baru jika berkaitan.

Mengemukakan dokumentasi teknikal bagi aktiviti penyelenggaraan komprehensif pada VisitKL ini.

2.4 Portal

Menu / sub menu yang terdapat dalam portal adalah seperti berikut:

BIL	MENU / SUB MENU	SPEKIFIKASI KANDUNGAN
1.	Modul Utama / Home	
	- Hero Banner	Video yang <i>default</i> .
	- Latest News	Banner bagi promosi apa-apa acara/aktiviti (terkini) menarik di Kuala Lumpur
	- Latest Events	Acara/aktiviti yang bakal berlangsung
	- Video	Video promosi Kuala Lumpur
	- Best Thing to Do	Menu-menu untuk semua modul
	- KL Dulu	Sejarah Kuala Lumpur
	- Stories within Kuala Lumpur	Pautan kepada portal-portal majalah pelancongan Kuala Lumpur
	- Link	Pautan kepada portal & agensi yang berkaitan
2.	About Us	
	- About Us	Penjelasan umum berkenaan portal VisitKL
	- Message of Mayor	Teks ucapan Datuk Bandar Kuala Lumpur
	- Visit KL Logo's	Penerangan Logo VisitKL
3.	Things To Do	
	- Essential Information	FAQ berkenaan Kuala Lumpur
	- Getting Around	Jenis pengangkutan di Kuala Lumpur.
	Best Things To Do (Side Menu Button)	
	- Travel to Kuala Lumpur	Maklumat kaedah pengangkutan untuk melancong ke / di Kuala Lumpur
	- Accomodations	Maklumat penginapan di Kuala Lumpur
	- Taste of Malaysia	Maklumat makanan di Kuala Lumpur
	- Music, Arts & Culture	Maklumat seni, hiburan dan budaya di Kuala Lumpur
	- Bucket List Travel	Maklumat lokasi menarik untuk dilawati di

BIL	MENU / SUB MENU	SPESIFIKASI KANDUNGAN
		Kuala Lumpur
	- Sport	Maklumat sukan / pusat sukan di Kuala Lumpur
	- Education	Maklumat pendidikan / pusat pendidikan atau pengajian di Kuala Lumpur
	- MICE (Meetings, Incentives, Conventions, Exhibitions)	Maklumat program / <i>event</i> yang dijalankan di Kuala Lumpur
	- Health & Wellness	Maklumat pusat kesihatan di Kuala Lumpur
4.	Product & Services	
	- Products & Services	Maklumat produk-produk menarik di Kuala Lumpur
	- Deals & Packages	Maklumat promosi-promosi menarik dari <i>industry player</i> / peniaga yang menyertai portal VisitKL
5.	Gallery	Infografik , gambar, animasi dan video yang berkaitan item berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Culture & Festival - Landmark - Architecture - People - SkyScapes
6.	What's On	Kalendar aktiviti/acara menarik di Kuala Lumpur
7.	E-form	Permohonan dari pelawat dan <i>industry player</i> / peniaga untuk mempromosi serta memaparkan produk/servis dan gambar di Portal VisitKL
8.	Header	
	- Searching Bar	Ruangan carian maklumat
	- Media Sosial	Facebook, Youtube, Instagram, Twitter VisitKL
	- Weather	Info cuaca setiap hari di Kuala Lumpur
9.	Footer	

BIL	MENU / SUB MENU	SPEKIFIKASI KANDUNGAN
	- Lain-lain	Paparan <i>disclaimer</i> , tarikh dikemaskini, dan jumlah pelawat.

2.5 Aplikasi Mudah Alih VisitKL

Menu / sub menu yang terdapat dalam aplikasi mudah alih adalah seperti berikut:

BIL	MENU / SUB MENU	SPEKIFIKASI KANDUNGAN
1.	Home	
	- Latest News	Banner bagi promosi apa-apa acara/aktiviti (terkini) menarik di Kuala Lumpur
	- Searching Bar	Ruangan carian maklumat
	- Latest Events	Acara/aktiviti yang bakal berlangsung
	Best Things To Do (Menu Button)	
	- Travel to Kuala Lumpur	Maklumat kaedah pengangkutan untuk melancong ke / di Kuala Lumpur
	- Accomodations	Maklumat penginapan di Kuala Lumpur
	- Taste of Malaysia	Maklumat makanan di Kuala Lumpur
	- Music, Arts & Culture	Maklumat seni, hiburan dan budaya di Kuala Lumpur
	- Bucket List Travel	Maklumat lokasi menarik untuk dilawati di Kuala Lumpur
	- Sport	Maklumat sukan / pusat sukan di Kuala Lumpur
	- Education	Maklumat pendidikan / pusat pendidikan atau pengajian di Kuala Lumpur
	- MICE (Meetings, Incentives, Conventions, Exhibitions)	Maklumat program / <i>event</i> yang dijalankan di Kuala Lumpur
	- Health & Wellness	Maklumat pusat kesihatan di Kuala Lumpur
4.	Gallery	Infografik , gambar, animasi dan video yang berkaitan item berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Culture & Festival

BIL	MENU / SUB MENU	SPEKIFIKASI KANDUNGAN
		<ul style="list-style-type: none"> - Landmark - Architecture - People - SkyScapes
5.	What's On	Kalendar aktiviti/acara menarik di Kuala Lumpur
6.	Product & Services / Mall	
	- Products & Services	Maklumat produk-produk menarik di Kuala Lumpur
	- Deals & Packages	Maklumat promosi-promosi menarik dari <i>industry player</i> / peniaga yang menyertai portal VisitKL
7.	Wish List	Penanda atau <i>remark</i>
8.	KL Dulu	Sejarah lokasi menarik di Kuala Lumpur
9.	Orchestra KL	Borang maklum balas dan galeri berkaitan orchestra KL

2.6 Web CMS VisitKL

Aplikasi CMS yang akan dibangunkan perlu meliputi modul-modul seperti berikut

BIL	MODUL	KETERANGAN
1.	Pengurusan Pengguna	Mentadbir dan mengawal selia akaun pengguna portal VisitKL dan aplikasi CMS. Mempunyai "log aplikasi" bagi memudahkan pentadbir sistem untuk membuat semakan/pemantauan
2.	Konfigurasi	Mengawal selia servis, <i>ads banner</i> , <i>privacy</i> , <i>policy</i> , <i>Q&A</i> yang akan dipaparkan/dinyahaktif dalam portal dan aplikasi mudah alih

BIL	MODUL	KETERANGAN
		Menyediakan fungsi Create, Read, Update dan Delete kepada pentadbir sistem untuk mengemaskini paparan portal dan aplikasi mudah alih VisitKL.
3.	eForm	Menerima dan memproses permohonan eForm yang dihantar oleh pengguna awam melalui portal atau aplikasi mudah alih VisitKL.
4.	Laporan	Menyediakan fungsi menjana pelbagai laporan, statistik mengikut format yang diperlukan dari semasa ke semasa, serta dashboard bagi membantu kerja-kerja pemantauan
5.	Carian	Menyediakan fungsi carian bagi membantu kerja-kerja pemantauan.

3.0 PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF (*PREVENTIVE DAN CORRECTIVE MAINTENANCE*)

- i. Tempoh penyelenggaraan komprehensif adalah selama **24 bulan (2 tahun)** melibatkan perkhidmatan penyelenggaraan (*preventive dan corrective maintenance*) serta *Provisional Sum* (*adaptive dan perfective maintenance* serta latihan) bermula dari tarikh arahan memulakan kerja.
- ii. Penyelenggaraan merangkumi skop kerja berikut:

No.	Description
1.	Corrective Maintenance (System)
	a) As report / work order by SO
	(i) <i>Bugs fixing and troubleshooting</i>
	(ii) <i>System correction</i>
	(iii) <i>System recovery</i>
	(iv) <i>System fine-tuning</i>
2.	Preventive Maintenance (Quarterly) (System) - 4 kali setahun
	(i) <i>Monitoring of application logs</i>
	(ii) <i>Housekeeping (cleaning logs, cache and temp files)</i>
	(iii) <i>Application, Database, Hardware & Software health check</i>
	(iv) <i>System performance monitoring</i>
	(v) <i>Testing of backup data</i>
	(vi) <i>Application and database Server Maintenance</i>
	(vii) <i>Database Management</i>
	(viii) <i>System consultation (if any)</i>
3.	Perfective Maintenance

No.	Description
	<p>a) Any changes made to a system to add new features or to improve a system performance, efficiency, reliability or maintainability. This enhancement needs to improve system processing performance or interface usability towards the system.</p> <p>b) New modifications with level of LOW difficulty whereby minor modifications and adjustment needed in term of interface, database, fields, etc. that required not more than 3 working days.</p> <p>c) Management and maintenance of web server application to ensure smooth and optimal operational performance;</p> <p>d) Maintain and manage all application files; and</p> <p>e) Reinstall & reconfigure related software needed by the system to the latest version.</p>
4.	Adaptive Maintenance
	Any changes made to change its functionality based on business needs or to migrate it to a different operating components or enhancements to an operational system, so it will make easier to use the system.
	Tenderers must be prepared to carry out re-deployment or restoration activities for the portal from a cloud environment to an on-premise one if required by the DBKL JPM.
6.	Comprehensive System Training (Refresher Training)
	<p>Transfer of Technology (TOT)/Refresher Training and relevant trainings for :</p> <p>System Administrator IT Team - 5 pax.</p> <p>Technical Supports and Maintenance Training – 5 pax</p>

4.0 REKOD PENYELENGGARAAN

- 4.1 Petender hendaklah menyediakan semua laporan penyelenggaraan untuk diperiksa oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

- 4.2 Petender hendaklah mencatat tarikh mula dan siap kerja-kerja penyelenggaraan beserta butiran lengkap berkaitan penyelenggaraan tersebut.
- i. Laporan aktiviti penyelenggaraan perlu disediakan secara berkala bagi setiap kerja-kerja penyelenggaraan (pembetulan dan pencegahan) yang dilaksanakan. Kandungan laporan adalah seperti *number of log call, down time period, resolution time, problem type, parts information, solution / resolution taken, overall reports dan recommendation*;
 - ii. Dokumentasi teknikal perlu dikemas kini apabila berlaku perubahan terhadap konfigurasi pada sistem, perisian dan perkakasan yang berkaitan. Dokumentasi perlu dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Maklumat dalam bentuk 1 salinan *softcopy* dan 2 salinan *hardcopy*.
 - iii. **Peralatan pengujian dan latihan/hands-on** bagi aplikasi yang dibangunkan/ ditambahbaik yang melibatkan pelbagai platform, teknologi dan senario perlu **diambil kira dan disediakan/diselenggara oleh pihak kontraktor**.
 - iv. **Latihan teknikal (Transfer of Technology)/Refresher Training, Technology Update** atau **Technology Benchmarking** perlu diberikan kepada pasukan kerja projek dan teknikal JPM sekiranya berlaku perkembangan atau transisi teknologi dan platform kepada aplikasi yang dibangunkan/ ditambahbaik.
 - v. Lain-lain perkara berkaitan penyelenggaraan seperti yang dinyatakan di dalam skop kerja.
- 4.3 Petender hendaklah menyediakan laporan kerosakan setiap kali kerja-kerja **corrective maintenance** siap dilaksanakan. Laporan tersebut hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-
- 4.3.1 Tarikh dan masa aduan
 - 4.3.2 Tarikh dan masa siap
 - 4.3.3 Jenis dan nombor model atau nama modul aplikasi
 - 4.3.4 Tempoh baikpulih kerosakan

- 4.3.5 Penerangan kerosakan
- 4.3.6 Penerangan pemulihan
- 4.3.7 Senarai bahagian yang ditukar atau modul aplikasi yang diubah.
- 4.3.8 Lain-lain yang berkaitan

5.0 MAINTENANCE PERSONNEL

- 5.1 Petender wajib menyediakan pasukan penyelenggaraan yang berpengalaman dan mahir dalam penggunaan PHP *Laravel* terkini, *Flutter Web Front-end bootstrap* serta yang berkaitan dan mempunyai sijil kelayakan serta berkemahiran berkaitan server dan aplikasi yang terlibat pada Portal VisitKL ini. (Sila Rujuk perkara 2.0)
- 5.2 Pasukan yang dibentuk hendaklah mempunyai kemahiran teknikal yang relevan dalam persekitaran *cloud hosting*, bagi memastikan penyelarasan teknikal, pengoptimuman prestasi aplikasi dan integrasi sistem dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- 5.3 Petender hendaklah mengemukakan *resume* dan sijil-sijil yang berkaitan. Sekiranya gagal Datuk Bandar berhak untuk membatalkan tender atau tender tidak akan dipertimbangkan.
- 5.4 Petender hendaklah menyatakan jumlah, senarai nama dan jawatan kakitangan yang terlibat dengan penyelenggaraan ini berdasarkan kelayakan.
- 5.5 Petender hendaklah memberikan nombor sokongan teknikal yang boleh dihubungi sekiranya berlaku masalah terhadap kerja-kerja penyelenggaraan sepanjang kontrak ini.
- 5.6 Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penyelenggaraan seperti yang dinyatakan di dalam skop kerja.

6.0 LATIHAN


- 6.1 Latihan yang dibekalkan adalah berkaitan *Transfer of Technology* (TOT) atau *refreshment training* untuk portal, aplikasi dan CMS *back-end* kepada kakitangan JPM terutamanya unit portal. (Sila Rujuk perkara 3.0 (ii) (6))

- 6.2 Pihak Petender bertanggungjawab mengurus, menyelaras dan melaksanakan latihan ini termasuk pengangkutan, penginapan, makan dan minum, material latihan, logistik dan sebagainya dan **kos ditanggung oleh pihak Petender** dan;
- 6.3 Petender perlu merancang dan mencadangkan perincian termasuk lokasi, tarikh, tempoh, syllabus dan perincian-perincian lain kepada JPM untuk dinilai dan dipersetujui;
- 6.4 Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan latihan penyelenggaraan seperti yang dinyatakan di dalam skop kerja.


7.0 DATA & PENDUA

- 7.1 Data tidak boleh dijual dan dikongsi kepada pihak ketiga tanpa kebenaran DBKL
- 7.2 Semua data adalah milik DBKL dan Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak untuk menggunakan dan memanipulasi mana-mana atau keseluruhan data tersebut.
- 7.3 Pihak Petender perlu:
 - Mematuhi penggunaan perisian Enterprise Backup dan Restore yang digunakan oleh DBKL;
 - Menyediakan perincian Backup dan Restore termasuk file, folder, jenis format dan lain-lain yang berkaitan dengan sistem yang dibangunkan yang disesuaikan dengan prosedur DBKL; dan
 - Petender bertanggungjawab untuk menguji Backup dan Restore yang dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh DBKL.

8.0 ARKITEKTUR SISTEM DAN APLIKASI



Rajah 8.1 : Diagram Arkitektur Sistem



Rajah 8.2 : Diagram Arkitektur Aplikasi

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PORTAL,
APLIKASI DAN WEB CMS VISITKL UNTUK TEMPOH DUA (2)
TAHUN

BAHAGIAN 8. RINGKASAN TENDER

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBK/ES/HAJAJA

NOTA TERHADAP RINGKASAN TENDER

1. **Ringkasan Tender** hanyalah merupakan **panduan kepada kontraktor** dalam menentukan tawaran pual. Oleh itu rujukan mestilah dibuat terhadap spesifikasi dan lukisan.
2. Harga atau jumlah bagi butir-butir di dalam Ringkasan Tender adalah dianggap merangkumi kesemua tanggungjawab dan kewajipan kontraktor dan segala perkara yang perlu untuk menyiapkan kerja supaya selaras dengan spesifikasi dan lukisan.
3. Kerja-kerja dan bahan-bahan yang dinyatakan di dalam Ringkasan Tender adalah dijelaskan di dalam bahagian spesifikasi yang berkaitan dengannya. Keperluan-keperluan lanjut mungkin dicatatkan di lain-lain bahagian spesifikasi ataupun keperluan ini.
4. Kontraktor mestilah melawat tapak binaan dan mengenalpasti keadaan tapak dan segala aspek kerja sebelum menentukan nilai harga bagi kerja-kerja tersebut.
5. Sebarang kesilapan atau kekurangan di dalam Ringkasan Tender tidak memberi kesan terhadap jumlah tawaran. Kesilapan-kesilapan ini harus diperbetulkan supaya jumlah campuran harga-harga bagi butir-butir di dalam Ringkasan Tender menyamai jumlah tawaran.
6. Jika Pegawai Penguasa berpendapat bahawa harga untuk butir-butir kerja tertentu di dalam Ringkasan Tender tidak munasabah ia berhak mengubahsuaian menyelaraskan harga-harga tersebut asalkan jumlah tawaran tidak berubah.
7. Kesemua butir-butir kerja ditunjukkan dalam lukisan dan dinyatakan di dalam spesifikasi adalah dianggap telah termasuk di dalam tawaran samada ianya disenaraikan di dalam Ringkasan Tender ataupun sebaliknya.
8. Jumlah Harga Tawaran yang ditawarkan dalam dokumen ini adalah **telah termasuk turun naik harga**. Oleh itu, apa-apa kenaikan atau pengurangan dalam turun naik harga tidak akan diambil kira dalam menentukan Jumlah Harga Kontrak Muktamad.

RINGKASAN TENDER

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PORTAL, APLIKASI DAN WEB CMS VISITKL UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini telah melihat serta memahami segala isi kandungan dan arahan di dalam tender dan dengan ini bersetuju membekal buruh, tenaga mahir dan bahan-bahan bagi menyempurnakan kerja-kerja tersebut:-

Jumlah Pukul Keseluruhan tawaran saya/kami bagi tender ini adalah **Ringgit Malaysia**(RM)

yang mana terdiri daripada berikut:

Bil.	Keterangan	Muka Surat	Jumlah (RM)
1.	Penyelenggaraan Komprehensif (Comprehensive Maintenance) <i>Corrective dan Preventive</i>	BQ/1	
2.	Latihan / <i>Refresher Training</i> dan <i>Transfer of Technology (TOT)</i>	BQ/2	
3.	Kerja- Kerja Luar Jangka (PROVISIONAL) Kerja-kerja berikut bergantung kepada keperluan dan arahan daripada Datuk Bandar tertakluk kepada bilangan sebenar	BQ/3	15,000.00

JUMLAH TAWARAN KESELURUHAN (dibawa ke Borang Tender m.s. BT/2)

RM

Nota :-

" **PROVISIONAL** " hanya akan digunakan atas arahan Pegawai Penguasa secara bertulis dan jika tidak digunakan samada separuh atau keseluruhannya, jumlah ini akan ditolak daripada jumlah harga kontrak.

JUMLAH TAWARAN KESELURUHAN yang ditawarkan dalam dokumen ini adalah telah termasuk turun naik harga. Oleh itu, apa-apa kenaikan atau pengurangan dalam turun naik harga tidak akan diambil kira dalam menentukan Jumlah Harga Kontrak Muktamad.

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Tender ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Tender.

Tandatangan Petender : _____

Nama Petender : _____

Nama Dan Alamat Syarikat : _____

Tarikh : _____

Meteri atau cop Petender : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama Saksi : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

UNTUK KE GUNAAN PETENDER DBK BSAHAJA JA

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPRESIF PORTAL, APLIKASI DAN WEB CMS VISITKL UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

BAHAGIAN 9. SENARAI KUANTITI/JADUAL KADAR HARGA

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBK/DP/2025/HAJAJA

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PORTAL, APLIKASI
DAN WEB CMS VISITKL UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN**

SENARAI KUANTITI (BQ)

Pecahan Harga berdasarkan Spesifikasi yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

Bil	Keterangan	Unit	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
Menyelenggara Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL yang melibatkan perisian dan aplikasi terhadap portal seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi seperti butiran berikut:					
A.	<i>CORRECTIVE AND PREVENTIVE MAINTENANCE DUA (2) TAHUN</i>				
A-1	Kerja-kerja berkaitan penyelenggaraan termasuk khidmat sokongan. Melaksanakan Aktiviti Penyelenggaraan Komprehensif Sistem i. <i>Corrective Maintenance</i> ii. <i>Preventive Maintenance</i>	Quarte	8		
JUMLAH HARGA ITEM A DI BAWA KE (RT/2)					

Bil	Keterangan	Unit	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
B.	<p>LATIHAN KOMPREHENSIF (TRANSFER OF TECHNOLOGY (TOT) dan REFRESHER TRAINING)</p> <p>Petender dikehendaki memberikan latihan kepada pengguna sistem yang berkaitan. Tempat,jangkamas, jumlah peserta, sijil penyertaan, tempoh latihan, makan minum, pengangkutan, dokumen latihan dan perkara yang berkaitan mengikut keperluan.</p>				
B-1.	<p>Latihan Petender dikehendaki menyediakan latihan/<i>refresher training</i> berkaitan sistem kepada pengguna, pegawai Jabatan Pengurusan Maklumat atau lain-lain pengguna yang ditentukan oleh DBKL iaitu :</p> <p><i>i. System Administrators Training</i></p> <p><i>ii. Technical Supports and Maintenance Training</i></p>	Pax	5		
	JUMLAH HARGA ITEM B DI BAWA KE (RT/2)				

Bil	Keterangan	Unit	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
C.	PROVISIONAL SUM				
	<u>SPECIAL NOTES TO TENDERER</u>				
	The main contractor shall not entitle to be reimbursed for any direct loss and expenses incurred to him should any amount of works as allocated in the Bills and also in any other Bills/Section forming this Tender/Contract being omitted from the Contract and not to be done at all by others and/or the contract being terminated by either party as the case may be.				
	<p>Adaptive Maintenance</p> <ol style="list-style-type: none"> Any changes made to change its functionality based on business needs or to migrate it to a different operating components or enhancements to an operational system, so it will make easier to use the system. Petender perlu bersedia menjalankan aktiviti <i>re-deploy</i> atau <i>restoration</i> portal dari persekitaran <i>cloud</i> kepada on-premis sekiranya dikehendaki oleh pihak JPM DBKL. Termasuk lain-lain perkara yang menyokong kelancaran sistem. <p>Perfective Maintenance:</p> <ol style="list-style-type: none"> Penambahbaikan sistem, keperluan integrasi sistem, penyediaan data, pembelian perisian/lesen dan termasuk lain-lain perkara yang menyokong kelancaran sistem. Kadar <i>Man-days</i> Pembangunan adalah berdasarkan kadar: Kerja-kerja Adaptive dan Perfective akan dikira berdasarkan <i>Development man days based on rate of:</i> <ol style="list-style-type: none"> <i>System Analyst/Software Engineer</i> <i>Programmer/Software Developer</i> <p>(Pengiraan dibuat berdasarkan kos per man day)</p>				15,000.00
	JUMLAH HARGA ITEM C DI BAWA KE (RT/2)				15,000.00

Semua perkara mesti mempunyai perincian kadar harga

NOTA: Jumlah Harga Tawaran yang dikemukakan oleh petender dalam dokumen ini adalah **TIDAK TERMASUK** Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (SJCP). Oleh itu, kadar harga yang ditawarkan di dalam Senarai Kuantiti (BQ) dan/atau Jadual Kadar Harga adalah **TIDAK TERMASUK** CJCP.

Sila tentukan '*item*' lain (selain di atas) yang perlu bagi sistem yang dicadangkan oleh Petender dengan lengkap dan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan efektif. Kegagalan untuk berbuat demikian semasa penyerahan Tender ini akan menyebabkan Petender bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kos tambahan pembangunan projek.

Saya yang bertandatangan di bawah memperakui harga yang ditawarkan berjumlah Ringgit Malaysia

.....
..... (RM.....) seperti jadual di atas dan telah diberikuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani Jadual Harga Tender ini bagi pihak petender.

UNTUK KEGUNAAN TENDER DBK/SAHAJAJAJA

JADUAL KADAR HARGA

MAN DAYS RATE

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PORTAL, APLIKASI DAN WEB CMS UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

Pecahan *Man Day Rate* berdasarkan Spesifikasi yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL		Per Man Day (RM)
PENAMBAHBAIKAN SISTEM:- (ADAPTIVE & PERFECTIVE MAINTENANCE)		
1	<i>Development Mandays based on rate of: System Analyst/Software Engineer</i>	
	<i>Programmer/Software Developer</i>	

.....
Tandatangan Petender

Nama :

No K/P :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

.....

Tarikh :

Telefon :

Faks :

.....
Tandatangan Saksi

Nama :

No K/P :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

.....

Tarikh :

Telefon :

Faks :

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PORTAL, APLIKASI DAN WEB
CMS VISITKL UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN**

DATA TEKNIKAL/ BORANG CADANGAN PETENDER

Notis penting:

Petender diminta untuk menyiapkan borang-borang berikut, kegagalan memenuhinya akan menyebabkan tendernya akan ditolak.

Bil	Keperluan	Patuh Ya/Tidak	Memperincikan Cadangan (<i>Blank</i> tidak dibenarkan dan jangan tulis "mematuhi" sebagai jawapan, sila beri keterangan lengkap serta lampirkan Brosur atau kertas putih untuk mengesahkan tuntutan-tuntutan pematuhan)
A	UMUM		
1.0	Petender hendaklah melaksanakan penyelenggaraan secara komprehensif dan penambahbaikan untuk Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL selama dua (2) tahun .		
1.2	Petender hendaklah menyediakan Jadual Kerja yang lengkap dan dipersetujui oleh Datuk Bandar serta perlu memaklumkan kepada Datuk Bandar jika terdapat sebarang perubahan kepada mana-mana bahagian jadual tersebut		
1.3	Petender dikehendaki untuk menempatkan kod sumber di dalam mana-mana repositori Git sebagai master . Repositori tersebut perlu dikonfigurasi sebagai repositori peribadi bagi memastikan privasi dan keselamatan maklumat. URL Git <i>remote master</i> yang berkaitan perlu disediakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tujuan pemantauan.		
1.4	Aktiviti simulasi dalam persekitaran <i>staging</i> dan pemulihan (<i>restoration</i>) perlu dilaksanakan bagi semua kod sumber agar sistem dapat beroperasi dengan baik dalam tempoh Penyelenggaraan Pencegahan (<i>Preventive Maintenance</i>) pertama .		
1.5	Petender hendaklah menyediakan Program Pengurusan Perubahan (<i>Change Management Programme</i>) kepada pengguna sistem yang meliputi aspek tadbir urus, proses kerja, kemudahan dan infrastruktur ICT serta kompetensi/literasi ICT pengguna.		

Bil	Keperluan	Patuh Ya/Tidak	Memperincikan Cadangan (<i>Blank</i> tidak dibenarkan dan jangan tulis “mematuhi” sebagai jawapan, sila beri keterangan lengkap serta lampirkan Brosur atau kertas putih untuk mengesahkan tuntutan-tuntutan pematuhan)
1.6	Penalti sejumlah 20% x Kos Projek / 12 bulan / 30 hari / 24 jam = (RM /jam) ATAU RM 30/jam (mana yang lebih tinggi) boleh dikenakan kepada pihak kontraktor perkhidmatan sekiranya gagal mematuhi <i>Service Level Requirement</i> (SLR) sehingga isu tersebut diselesaikan.		
1.7	Petender yang berjaya adalah tertakluk kepada Gantirugi Tetap atau Liquidated Ascertain Damages (LAD) yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu 0.25% X Kos Projek bagi kelewatan kerja yang belum disiapkan sehari.		
B	PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF PERKAKASAN (SERVER / SSL / WORKSTATION)		
1.0	Semua kerja penyelenggaraan adalah berdasarkan Skop Kerja dan Spesifikasi yang dinyatakan dalam SK/1-SK/15 dan SPEC/1-SPEC/14.		
1.1	Petender dikehendaki melaksanakan kerja penyelenggaraan Portal, Aplikasi dan Web CMS VisitKL yang sedia ada dikonfigurasi di dalam Cloud Computing Services – Amazon Web Services (AWS) menggunakan sistem operasi (OS) Linux Ubuntu .		
1.2	Penyelenggaraan sistem terdiri daripada aktiviti seperti di bawah: <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Corrective Maintenance</i> ii. <i>Preventive Maintenance</i> (8 kali) : iii. <i>Adaptive Maintenance</i> iv. <i>Perfective Maintenance</i> 		

Bil	Keperluan	Patuh Ya/Tidak	Memperincikan Cadangan (<i>Blank</i> tidak dibenarkan dan jangan tulis “mematuhi” sebagai jawapan, sila beri keterangan lengkap serta lampirkan Brosur atau kertas putih untuk mengesahkan tuntutan-tuntutan pematuhan)
1.3	<p>Pemasangan/Memperbaharui Secure Socket Layer (SSL)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Petender dikehendaki membuat pemasangan dan konfigurasi Sijil SSL yang disediakan oleh DBKL. ii. DBKL akan memberikan Sijil SSL setelah petender menyelesaikan pemasangan pelayan web / apache / IIS iii. Sijil SSL akan diperbaharui mengikut polisi lesen DBKL. Pembelian Sijil SSL akan dilakukan oleh DBKL iv. Kontraktor yang berjaya diminta untuk menunjukkan / menyerahkan konfigurasi SSL dalam laporan teknikal akhir. 		
C	PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF SISTEM (Portal, Aplikasi & Web CMS VisitKL)		
